

## **BAB IV**

### **PENDIDIKAN ISLAM DI PULAU BAWEAN**

#### **4.1 Pusat Pendidikan Islam Pada Zaman Awal**

Dalam Islam, pendidikan merupakan perkara yang utama dan penting. Oleh itu, Islam memberi perhatian yang sangat tinggi terhadap kepentingan pendidikan untuk masa hadapan umatnya. Begitu juga di Pulau Bawean. Sejak Islam mula berkembang di daerah tersebut, pendidikan menjadi keutamaan dalam masyarakat. Ia bertitik tolak daripada peranan pendidikan yang memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran Islam, juga disebabkan pendidikan itu sendiri yang mendatangkan kemajuan terhadap umat Islam. Pada tahap awal, penyampaian ajaran Islam kepada masyarakat dilaksanakan di tempat-tempat yang sangat sederhana dan dengan sistem pengajaran yang sangat sederhana pula.

Secara umumnya, sejarah awal pendidikan Islam di Pulau Bawean telah bermula sejak Islam tersebar dan bertapak di pulau tersebut. Masyarakat Bawean menerima Islam melalui dakwah dan pendidikan. Institusi pendidikan Islam sebelum tertubuhnya pusat pendidikan formal bermula di tempat-tempat seperti rumah, surau, masjid dan lain-lain. Pendidikan Islam pada tahap ini disebut sebagai pendidikan tidak formal.

##### **4.1.1 Rumah**

Rumah berfungsi sebagai tempat berteduh untuk sesebuah keluarga, juga telah berfungsi sebagai tempat belajar-mengajar dan menyampaikan ajaran agama Islam kepada masyarakat pada zaman awal kedatangan Islam di Pulau Bawean. Sekalipun rumah bukanlah tempat yang seronok untuk belajar-mengajar, tetapi ia

mempunyai peranan yang sangat besar dalam penyampaian ajaran Islam, kerana pembelajaran tentang Islam bermula dari rumah dalam keluarga terdekat, kemudian berlanjutan kepada jiran-jiran, dan seterusnya kepada masyarakat umum. Ada pendapat yang mengatakan bahawa pada awalnya, Umar Mas'ud adalah antara orang yang mula-mula menyampaikan pendidikan Islam di rumah di Pulau Bawean. Beliau bukanlah anak tempatan jati, tetapi merupakan pendatang yang menjadi raja pada tahun 1501-1630 M, secara tidak langsung telah memulakan pengajarannya di rumah.<sup>245</sup>

Malahan, pada masa sekarang, rumah masih menjadi tempat belajar membaca al-Quran bagi sebahagian masyarakat. Dalam sesebuah kampung, terkadang ada beberapa buah rumah yang menjadi tempat untuk mempelajari al-Quran dan berzanji. Rumah dijadikan pusat pengajaran dan pembelajaran oleh seseorang yang dianggap alim tentang agama dan pernah belajar di sesebuah pondok. Golongan seperti ini diberi kepercayaan untuk mengajarkan ilmunya kepada masyarakat. Pada mulanya, mereka yang belajar terdiri daripada ahli keluarga sendiri, kemudian anak-anak jiran mereka. Pelajar yang menuntut ilmu di rumah-rumah ini terbatas kepada anak-anak di kampung tersebut.

Subjek pengajaran yang disampaikan di sini meliputi tauhid dan membaca al-Quran. Al-Quran dipelajari dengan tujuan untuk pandai membaca sahaja, tidak sampai kepada aspek pemahaman. Murid-murid yang mengaji membentuk suatu bulatan sambil menunggu giliran untuk menghadap guru. Setelah sampai giliran, mereka membaca beberapa baris daripada ayat al-Quran. Seandainya terdapat kesalahan bacaan, guru akan membetulkannya. Guru ini mengajar seorang demi seorang mengikut giliran. Namun, bagi yang baru mengaji dan belum pandai

---

<sup>245</sup>Temu bual dengan K. H. R. Abdurrahman keturunan ke-12 dari Umar Mas'ud, pada tarikh 26 Juni 2008

membaca, mereka diajarkan dengan jenis-jenis huruf *hijaiyah*. Pelajar-pelajar ini tidak menghadap guru, sebaliknya akan diajar oleh pelajar yang sudah pandai membaca dan dipercayai oleh guru tersebut.<sup>246</sup>

#### 4. 1. 2 Surau

Lokasi selanjutnya yang lebih seronok dan selesa sebagai pusat belajar-mengajar ialah surau. Bentuk surau di Pulau Bawean pada umumnya seperti rumah panggung khas Melayu yang terbina daripada kayu dan berdinging *gidhang* atau *kekes* dalam bahasa Bawean (diperbuat daripada anyaman bulu). Seperti layaknya, bangunan surau ini hanya berbentuk ruangan memanjang sebagai tempat mengaji, sembahyang, sekaligus tempat tidur pelajar atau pemuda kampung. Surau panggung seperti ini sudah tidak ditemukan lagi di Pulau Bawean pada masa sekarang, kerana dindingnya telah dibina daripada tembok yang hampir sama bentuknya dengan masjid. Namun, surau sebagai tempat belajar mempunyai bentuk bangunan yang lebih kecil daripada masjid. Sebahagiannya dimiliki oleh orang perseorangan, dan kedudukannya berdekatan dengan rumah si pemilik.<sup>247</sup> Hal ini ikut memainkan peranan penting dalam penyebaran pendidikan Islam di Pulau Bawean. Surau-surau ini dibina hasil pungutan derma dan sumbangan daripada penduduk tempatan, malah ada juga yang dibina dengan biaya perseorangan.

Pengajian yang bertempat di surau ini menggunakan sistem yang sangat tradisional. Perkembangan pendidikan di surau dapat dilihat dari segi kuantiti surau yang ada. Hampir di setiap kampung mempunyai sebuah surau, bahkan terdapat dua atau lebih surau di sesetengah kampung.

---

<sup>246</sup>*Ibid.*

<sup>247</sup>Clifford Geertz (1989), *Abangan, Santri, Priyayi*. Aswab Mahasin (terj.), Jakarta: Pustaka Jaya, h. 176

Masyarakat Bawean pada masa dahulu bertempat tinggal di kawasan yang sangat terpencil, sehingga kemudahan untuk mendapatkan pelajaran agama agak terhad. Justeru, pengajian di surau telah berkembang dalam masyarakat pada ketika itu. Pendidikan di surau bermula apabila dalam sesebuah kampung, terdapat individu yang dianggap mahir dalam bidang agama. Maka, masyarakat akan memberi kepercayaan dan menyerahkan anak-anak mereka kepada tokoh tersebut untuk belajar al-Quran dan fardu ain secara beramai-ramai dalam suatu tempat yang disebut *langghar*.<sup>248</sup>

Sebahagian besar pendidikan di surau menekankan soal-soal mempelajari al-Quran, disertai dengan pengajian fardu ain. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pendidikan di peringkat surau adalah secara tidak formal. Ia dijalankan secara persendirian pada waktu petang atau malam bagi menyampaikan ajaran-ajaran al-Quran serta amalan ibadah untuk anak-anak atau orang dewasa. Guru yang memberikan pengajaran di surau ini dipanggil kiai kampung. Beliau biasanya berpengetahuan dalam bidang al-Quran sahaja. Beliau juga sangat dihormati oleh orang-orang kampung dan menjadi tempat rujukan sekiranya terdapat persoalan dalam masyarakat yang diajukan kepadanya. Kiai kampung dan keturunannya sehingga sekarang masih mempunyai status sosial yang tinggi dalam masyarakat, sekalipun tidak seperti pada masa-masa dahulu.

Pengajian di surau tidak dikenakan bayaran, sama ada terhadap pelajar yang belajar atau tenaga pengajar itu sendiri. Pelajar di surau lebih ramai daripada pelajar yang mengikuti pengajian yang dilaksanakan di rumah-rumah. Apabila surau memerlukan sesuatu yang menuntut dana, maka masyarakat akan menghulurkan bantuan. Pelajar-pelajar dikenakan bayaran hanya pada permulaan

---

<sup>248</sup>Temu bual dengan K. H. Bajuri Yusuf ketua Yayasan dan pengasuh pondok pesantren Hasan Jufri, tarikh 27 Feb 2009

belajar sebagai ucapan terima kasih kepada guru tersebut. Sewaktu mula-mula hendak belajar, ibu bapa pelajar akan datang ke rumah guru untuk meminta persetujuan daripadanya. Ibu bapa pelajar juga akan membawa minyak tanah satu botol, biasanya untuk diberikan kepada guru tersebut bagi keperluan pemakaian lampu pelita yang digunakan ketika belajar. Selain itu, yang sering dipraktikkan oleh para pelajar adalah membantu guru mencari kayu api dan menolongnya apabila tiba musim bercucuk tanam.<sup>249</sup>

Guru-guru di surau biasanya mengajar pada waktu malam sahaja selepas Maghrib, kerana pada siang hari, mereka pergi ke kebun atau ke sawah. Setelah khatam pengajian al-Quran, seringkali diadakan istiadat kenduri khatam al-Quran. Istiadat kenduri boleh diadakan apabila seseorang pelajar sudah pandai dan lancar membaca mengikut hukum tajwid serta berjaya menghabiskan bacaan al-Quran sehingga ke surah yang terakhir. Biasanya, istiadat 'khatam al-Quran' ini diadakan bersama kenduri, seperti jamuan pulut kuning dengan menyembelih ayam jantan putih oleh para ibu bapa pelajar yang berkhatam.<sup>250</sup>

Pendidikan di surau adalah pendidikan yang tidak memakai sistem peringkat. Orang dewasa dan kanak-kanak di kampung belajar dalam satu tempat yang sama. Yang membezakan peringkat usia mereka adalah berdasarkan bilangan muka surat al-Quran yang dibaca. Pelajaran yang disampaikan antaranya ialah membaca al-Quran, amalan doa sehari-hari dan fardu ain. Pelajar yang mengikuti pengajian fardu ain dan amalan doa sehari-hari belajar dengan cara mengikuti ucapan guru dan menghafal. Mereka tidak menggunakan buku dan mencatat seperti sekarang.

---

<sup>249</sup> *Ibid.*

<sup>250</sup> K. H. R. Abdurrahman, tarikh 26 Jun 2008

Surau memainkan peranan penting dalam menyebarkan Islam ke daerah pedalaman di kampung-kampung. Surau pada masa dahulu hanya dibina daripada papan atau kayu oleh kiai kampung atau tok guru dengan bantuan masyarakat yang menghulurkan sumbangan dana untuk pembangunan. Surau juga dikenali dengan nama “*langghar*” dalam bahasa Bawean. Selain masjid, surau menjadi tempat sembahyang berjemaah setiap waktu bagi penduduk kampung. Waktu belajar mengaji biasanya dilaksanakan selepas Maghrib dan Subuh. Selain berfungsi sebagai tempat belajar dan solat berjemaah, pada waktu malam selepas belajar mengaji, surau menjadi tempat untuk berkumpul dan berinteraksi antara satu sama lain bagi pemuda kampung, sekaligus mereka tidur di situ. Selepas sembahyang Subuh dan mengaji al-Quran, barulah mereka pulang ke rumah masing-masing. Surau atau *langghar* yang mula-mula dibina selepas Maulana Umar Mas’ud ialah Surau Dajana Alun-alun Sangkapura. Kewujudan surau ini menjadi medan penyebaran Islam kepada masyarakat Pulau Bawean melalui pendidikan Islam yang diajarkan. Surau ini dibina pada tahun 1600 M.<sup>251</sup>

#### **4. 1. 3 Masjid**

Masjid juga sebenarnya merupakan pusat pendidikan Islam yang utama bagi orang-orang Islam dalam menuntut dan mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan, kerana di sinilah tempat orang-orang Islam berkumpul dalam membincangkan sesuatu masalah sejak zaman Nabi lagi.<sup>252</sup>

Pendidikan Islam bermula seiring datangnya Islam ke Pulau Bawean. Bentuk pendidikan yang pertama sekali diajarkan oleh pendukung Islam tertumpu

---

<sup>251</sup>*Ibid.*

<sup>252</sup>A. L. Tibawi (1962), “Origin and Character of “al-madrasah”, *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London*, Vol. 25 no. 1/3, (1962), Cambridge University Press, h. 229

kepada pengenalan ajaran tauhid, fiqah dan al-Quran. Masyarakat Bawean sebelum kedatangan Islam menganut kepercayaan animisme atau anutan yang mengandung khurafat dan syirik. Justeru, pengenalan tentang keesaan Tuhan perlu diperkenalkan kepada mereka.

Masjid merupakan institusi utama yang dibangunkan oleh masyarakat sebagai tempat suci untuk sembahyang dan tempat berkumpul ketika mengadakan majlis memperingati hari kebesaran Islam, di samping berperanan sebagai tempat belajar.<sup>253</sup> Di Pulau Bawean, masjid tidak begitu berfungsi sebagai tempat belajar, sebaliknya hanya dijadikan tempat untuk solat berjemaah, pengajian dan majlis memperingati hari kebesaran Islam, seperti maulid nabi, israk mikraj dan sebagainya.

Di Pulau Bawean, masjid yang pertama sekali dibangunkan adalah Masjid Jami' Sangkapura pada tahun 1960 M. Masjid ini dijadikan sebagai tempat ibadah, tempat berkumpul ketika majlis perayaan hari kebesaran Islam, juga sebagai tempat penyebaran agama Islam dalam bentuk pengajian. Ketika masjid ini mula dibina, atapnya diperbuat daripada serabut pokok palma dan beberapa tahun berikutnya setelah mengalami kemajuan, atapnya ditukar dengan *belik*.<sup>254</sup> Seiring dengan perkembangan masa, kemajuan semakin meningkat sehingga atapnya kini diperbuat daripada genting.<sup>255</sup>

#### **4. 1. 4 Pondok**

Latar belakang kemunculan pondok adalah lanjutan daripada pengajian al-Quran yang dijalankan di surau. Di samping al-Quran, terdapat ilmu-ilmu lain

---

<sup>253</sup>Mahayudin Hj Yahaya, *op. cit.*, h. 317

<sup>254</sup>Belik merupakan alat untuk menutup atap rumah sebelum ada atap genting, belik terbuat dari daun rumbia yang pokok batangnya boleh dikelolah untuk makanan menjadi sagu

<sup>255</sup>K. H. R. Abdurrahman, tarikh 26 Jun 2008

yang diajarkan. Kedatangan para pelajar dari daerah lain mendorong berlakunya pelbagai masalah, terutamanya tempat tinggal. Pada mulanya, mereka dibenarkan tinggal bersama dengan penduduk tempatan, di surau, masjid dan juga di rumah tok guru. Namun, kedatangan mereka yang semakin ramai menyebabkan keadaan menjadi semakin sesak. Maka, timbullah idea supaya dibina rumah-rumah kecil yang diperbuat daripada buluh atau papan di sekeliling rumah tok guru. Rumah inilah yang dipanggil pondok.

Perkataan pondok mempunyai beberapa maksud. Antaranya ialah rumah-rumah kecil tempat tinggal pelajar-pelajar sekitar 3 hingga 4 orang bagi setiap sebuah rumah. Ia juga diertikan sebagai rumah tumpangan.

Santeri (pelajar dalam pondok) pula berasal daripada bahasa Tamil yang mempunyai makna ‘guru mengaji’ atau kata akarnya daripada *shastri* dalam bahasa India dengan erti ‘orang yang tahu buku-buku suci agama Hindu’. Dengan itu, santri dapat ditakrifkan sebagai orang yang belajar dan mendalami agama Islam.<sup>256</sup> Manakala pesantren merupakan istilah yang terhasil daripada perkataan “santeri” dengan tambahan awalan *pe* dan akhiran *an* dengan maksud sebagai tempat tinggal dan tempat belajar untuk para santeri.<sup>257</sup>

Pondok merupakan mekanisme penting dalam proses penyebaran Islam, khususnya di Jawa. Tidak dapat dinafikan, perkembangan dan kemajuan Islam adalah hasil daripada peranan yang dimainkan oleh pondok. Berpusat dari pondok, aktiviti ekonomi dan politik Islam dapat dikendalikan.

---

<sup>256</sup>Syaharul Adam (2005), *Pesantren Hasan Jufri Menatap Masa Depan: Sejarah, Fakta dan Cita*. Jakarta: Pustaka Lazuardi, h. 1-2

<sup>257</sup>*Ibid.*



## **4. 2 Sejarah Penubuhan Madrasah di Pulau Bawean**

Sejarah penubuhan madrasah di Pulau Bawean tidak banyak berbeza dengan sejarah penubuhan madrasah di tempat-tempat lain. Dalam menjelaskan sejarah penubuhan madrasah di Pulau Bawean, kondisi masyarakat Bawean merupakan pendorong kepada munculnya institusi pendidikan Islam di tempat tersebut. Antara lain ialah sejarah penubuhan institusi tersebut dan tokoh yang mendirikan, bermula dari perkembangan awalnya sehinggalah menjadi sebuah institusi madrasah, perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Pulau Bawean, sama ada perubahan dalam perlembagaan, kurikulum, metode pengajaran dan lain-lain. Untuk mengetahui sejarah yang berlaku, beberapa institusi pondok dan madrasah telah dipilih dari peringkat *ibtidaiyah* sehinggalah peringkat atas untuk mewakili keseluruhan madrasah yang ada di Pulau Bawean. Sampel tersebut secara keseluruhannya sudah dianggap dapat memberi gambaran mengenai sejarah latar belakang tertubuhnya institusi pendidikan Islam yang terdapat di pulau tersebut.

### **4. 2. 1 Masyarakat Pulau Bawean**

Menurut pejabat agama, tempat beribadat seratus peratus untuk agama Islam yang terdiri dari surau dan masjid, serta masyarakat Pulau Bawean secara keseluruhan memeluk agama Islam.<sup>258</sup> Oleh itu, masyarakat Pulau Bawean merupakan masyarakat yang agamis, di mana kehidupan sosial kemasyarakatannya ditentukan oleh aktiviti keagamaan atau tidak lari dari aktiviti agama. Penghayatan terhadap agama Islam yang sangat kuat ini dibuktikan dengan adanya tempat ibadah di setiap kampung, di mana di setiap kampung

---

<sup>258</sup>Data Statistik Pejabat Urusan Agama kecamatan Sangkapura dan Tambak, tarikh 26 September 2010

berdiri masjid dan surau bahkan terkadang dalam satu kampung ada dua buah surau. Oleh itu, suasana keagamaan sangat baik sekali untuk pendidikan anak-anak. Bagi anak-anak aktiviti keagamaan cukup padat, bermula selepas zuhur mereka mengikut aktiviti di madrasah sampai petang hari, selepas itu mereka melanjutkan aktiviti pengajian al-Qur'an di surau pada selepas magrib sampai masa dilaksanakannya sembahyang isya. Mereka pulang ke rumah selepas mengaji hanya untuk makan malam sahaja. Bagi anak-anak yang mengaji di surau ini masing-masing tidak tidur di rumah, ia tidur di surau tersebut untuk melanjutkan mengaji al-Qur'an selepas sembahyang subuh.

Peredaran masa keseharian mengikut jam waktu iaitu jadual sembahyang. Kalau ada perjanjian mengikut ketentuan ini, misalnya sahaja masyarakat Bawean kalau ada selamatan atau kenduri mengundang orang ramai. Oleh itu, masa pelaksanaannya ditentukan masa-masa jadual sembahyang "selepas magrib atau selepas isya". Pada hari jumaat masyarakat Bawean kebanyakan berehat tidak bekerja, ia dilanjutkan kembali bekerja pada hari berikutnya.

Pada asal mulanya masyarakat Bawean hanya mengetahui sistem pendidikan yang dilaksanakan di rumah-rumah dan surau atau kultur pendidikan yang dilaksanakan di pondok dan subjek yang diajarkan hanya terhadap pada ilmu-ilmu al-Qur'an dan tentang ibadah. Oleh sebab itu, masyarakat Bawean masih minim mengetahui tentang pendidikan sistem klasikal, lebih lagi pendidikan umum, sehingga keadaan yang sedemikian mempersulit mereka berinteraksi dengan dunia luar dan lebih-lebih lagi dalam mendapatkan pekerjaan sebagai pegawai dalam kerajaan. Pendidikan pada masa itu hanya terhadap kepada memahami salah satu segi ilmu pengetahuan sahaja, kerana itu sangat

memerlukan adanya pengembangan sistem pendidikan dari pola lama kepada pola moden mengikut kemajuan pendidikan yang ada saat ini.<sup>259</sup>

Di samping itu masyarakat Pulau Bawean merupakan penduduk yang suka merantau, kebanyakannya masyarakat yang tinggal di pulau tersebut terdiri dari kalangan usia muda yang masih belum mampu bekerja dan masyarakat yang sudah usia lanjut tidak mampu bekerja lagi. Kebiasaan merantau ini tentu ada kelebihan dan kekurangannya yang memberikan makna tersendiri bagi masyarakat Bawean. Oleh itu, menimbulkan saling mempengaruhi antar budaya yang sentiasa mengalami dinamika perubahan yang cepat. Dari itu, masyarakat Bawean ditinjau dari gaya hidup masyarakatnya lebih berorientasi pada budaya kehidupan kota, terutama sekali Malaysia, Singapore, Australia dan lain-lain.

Pulau yang terdiri dari dua kecamatan ini yang berpenduduk seratus peratus beragama Islam memberi tempat yang istimewa bagi kehadiran pendidikan Islam. Institusi pendidikan Islam di Pulau Bawean seperti madrasah dan pondok yang agak terakhir berdirinya dibandingkan dengan di Pulau Jawa. Populariti pondok di Pulau Jawa lebih menarik perhatian bagi masyarakat Bawean, kerana bebearapa hal yang berbeza pada umumnya mengenai latar belakang tertubuhnya pondok di Pulau Jawa yang didirikan sebagai bentuk perlawanan terhadap tradisi dan kebiasaan negatif dalam masyarakat setempat. Sementara pondok di Pulau Bawean latar belakang tertubuhnya untuk kesadaran berdakwah yang memperkuat keadaan pendidikan Islam dan masyarakatnya.<sup>260</sup>

Namun dengan penduduknya yang beragama Islam, tugas pendidikan Islam bukannya lebih mudah. Untuk mendapatkan tempat yang istimewa dan

---

<sup>259</sup>Temu bual dengan K. H. Bajuri Yusuf sebagai bekas Rais Syuriah Nahdlatul Ulama Cawangan Bawean pada tahun 1987 - 2002, tarikh 28 Ogos 2010

<sup>260</sup>*Ibid.*

menjadi harapan masyarakat, pondok di Bawean dituntut untuk memperbaiki diri bersaing dengan populariti pondok di Jawa. Sekalipun demikian, ia tetap menjadi institusi pendidikan yang diharapkan masyarakat, sekurang-kurangnya menjadi pilihan pendidikan masyarakat yang kurang mampu.

Majoritinya penduduk di pulau ini mengikuti pertubuhan Nahdlatul Ulama (NU) dan lainnya sangat sedikit mengikuti pertubuhan Muhammadiyah yang kebanyakan mereka berada di daerah perkotaan. Kedua-dua pertubuhan tersebut hidup berdampingan secara harmoni dan memberikan pelayanan kepada masyarakat dengan sebaik mungkin.<sup>261</sup> Oleh kerana masyarakat di Pulau Bawean majorotinya mengikut pertubuhan Nahdlatul Ulama, maka status sosial seorang kyai atau ustaz sangat dihormati dan dijadikan tempat rujukan dalam persoalan agama dalam masyarakat. Hal ini selari dengan hasil kajian Vredendregt,<sup>262</sup> mengenai status sosial masyarakat iaitu kyai menempati urutan pertama dalam masyarakat, selepas itu polis, camat, pendekar, guru madrasah, dan lain-lain.

Aktiviti yang dinamik dan cergas ini antara lain membuktikan bahawa semangat para pendahulu telah mampu mendirikan Nahdlatul Ulama Cabang Bawean pada tahun 1943, jauh sebelum Cabang NU (Nahdlatul Ulama) Gresik terbentuk. Diikuti dengan pendirian Cawangan Muslimat, Fatayat, Gerakan Pemuda Ansor, Ikatan Pelajar Nahdlatul Ulama, Ikatan Putera Puteri Nahdlatul Ulama, Lembaga Pendidikan Ma'arif, Fron Pembela Kemerdekaan, dan lain-lain. Lembaga pendidikan Ma'arif merupakan lembaga otonom dalam struktur organisasi NU yang mengurus tentang pendidikan.<sup>263</sup> Ditubuhkannya lembaga

---

<sup>261</sup>Syahrul Adam, *op. cit.*, h. 20

<sup>262</sup>Jacob Vredendregt, *op. cit.*, h. 23

<sup>263</sup>Data dari Pejabat Nahdlatul Ulama Cawangan Bawean 27 September 2010. Lihat juga, <http://www.baweanpos.com/2010/05/fakta-sejarah.html>, tarikh 25 Oktober 2010

Ma'arif ini di NU bertujuan untuk mewujudkan cita-cita pendidikan NU. Bagi NU, pendidikan menjadi asas utama yang harus ditegakkan demi mewujudkan masyarakat yang berdikari. Gagasan dan gerakan pendidikan ini telah dimulai sejak perintisan pendirian NU di seluruh Indonesia.

Untuk merealisasikan asas-asas tersebut ke dalam kehidupan bangsa Indonesia, NU secara aktif melibatkan diri dalam pergerakan-pergerakan sosial-keagamaan untuk memberdayakan umat. Di sini dirasakan pentingnya menubuhkan lembaga organisasi yang efektif dan mampu merepresentasikan cita-cita NU. Oleh itu, lahirlah lembaga-lembaga pergerakan pemberdayaan umat di bidang pendidikan yang sejak semula sememangnya menjadi perhatian para ulama pendiri (the founding fathers) NU dan kemudian dijalankan melalui lembaga yang bernama Lembaga Pendidikan Ma'arif Nahdlatul Ulama (LP Ma'arif NU). Lembaga ini bersama-sama dengan jam'iyah NU secara keseluruhan melakukan strategi-strategi yang dianggap mampu menjalankan program-program pendidikan yang dicita-citakan NU.<sup>264</sup>

Lembaga Pendidikan Ma'arif Nahdlatul Ulama (LP Ma'arif NU) merupakan jabatan yang ada di dalam Nahdlatul Ulama (NU) yang berfungsi sebagai pelaksana kebijakan-kebijakan pendidikan Nahdlatul Ulama, yang ada di tingkat Pengurus Besar, Pengurus Wilayah, Pengurus Cabang, dan Pengurus Majelis Wakil Cabang.

Lembaga Pendidikan Ma'arif NU dalam perjalanannya secara aktif melibatkan diri dalam proses-proses pengembangan pendidikan di Indonesia. Secara institusional, Lembaga Pendidikan Ma'arif NU juga membawahi satuan-satuan pendidikan mulai dari tingkat dasar, menengah hingga perguruan tinggi,

---

<sup>264</sup>K. H. Bajuri Yusuf, 28 Ogos 2010

baik sekolah-sekolah yang bernaung di bawah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI, maupun madrasah yang berada di bawah pengawasan Departemen Agama RI.<sup>265</sup>

Madrasah-madrasah Ibtidaiyah yang ada di Pulau Bawean ditubuhkan oleh perseorangan dengan lembaga sendiri, setelah terbentuk suatu lembaga untuk menguatkan kedudukannya didaftarkan kepada Lembaga Pendidikan Ma'arif, kerana setiap madrasah yang didirikan pada awalnya tidak mempunyai kekuatan hukum kecuali mengikut kepada Lembaga Pendidikan Ma'arif yang berada di bawah naungan Nahdlatul Ulama.<sup>266</sup>

Sistem pendidikan Islam yang ada seperti surau dan pondok masih bersifat tradisional masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki terutama sekali mengenai pengurusan dan sistem pembelajaran, meskipun demikian pendidikan tradisional ini banyak sekali berperanan dalam mencerdaskan kehidupan umat Islam dan menyebarkan ajaran agama Islam.

Sementara pendidikan umum yang didirikan oleh kerajaan yang berlatar belakang penjajahan sangat berbeza dengan pendidikan Islam baik dari segi subjek yang diajarkan dan sistem yang dilaksanakan. Dari segi sistem misalnya, pendidikan umum lebih maju dengan menggunakan sistem klasikal. Dan juga fasiliti yang digunakan sudah memakai sistem kelas, meja, kursi dan lain-lain.<sup>267</sup>

Perbezaan yang paling asas dari kedua-dua sistem pendidikan tersebut ialah di mana pendidikan umum tidak mengajarkan sama sekali subjek agama dan begitu juga dalam pendidikan Islam hanya mengajarkan subjek-subjek agama

---

<sup>265</sup>Data diambil dari pejabat Lembaga Pendidikan Ma'arif Cawangan Bawean, tarikh 28 Ogos 2010

<sup>266</sup>Wawancara dengan Muhammad Hanafiyah S. Pd sebagai bekas ketua Lembaga Pendidikan Ma'arif Cawangan Bawean tahun 1972 - 1984, tarikh 28 Ogos 2010

<sup>267</sup>*Ibid.*

sahaja, sehingga terjadi kontradiksi antara ilmu agama dengan pengetahuan umum. Oleh sebab itu, perlu ada pembaharuan dalam pendidikan Islam untuk mengikuti perkembangan zaman. Jalan terbaik dalam pembaharuan sistem pendidikan Islam ini agar dapat bersaing dengan pendidikan umum, maka ditubuhkannya sistem pendidikan madrasah.

Hal ini tidak lari dari peranan para tokoh Islam yang ada di Pulau Bawean setelah mereka menuntut di pondok atau di lembaga yang lain di Pulau Jawa. Setelah mereka pulang ke kampung halaman membawa pembaharuan pendidikan yang didapatkan dari pondok-pondok di Pulau Jawa, terutamanya seperti pondok di Jombang, Termas, Sidogiri, Madura dan lain-lain.<sup>268</sup>

#### **4. 2. 2 Sumbangan Masyarakat Terhadap Pendidikan Islam**

Untuk mengetahui sumbangan masyarakat terhadap pendidikan Islam yang ada di Pulau Bawean selain dari segi pembiayaan, dapat dilihat juga turut sertanya mereka menyokong anak-anak belajar di institusi tersebut. Menurut data dari pejabat Departemen Pendidikan Pulau Bawean bahawa dari keseluruhan jumlah masyarakat Bawean, jumlah usia sekolah dan jumlah pelajar yang memilih madrasah iaitu Jumlah penduduk Pulau Bawean sebesar 69901, dari keseluruhan jumlah penduduk ini usia persekolahan sebanyak 18506. Dari jumlah tersebut yang mengikuti pendidikan umum sebesar 9342, sedangkan yang mengikuti pendidikan Islam berjumlah 9164. Dengan perincian dari jumlah penduduk usia sekolah sebagai berikut, Sekolah Dasar berjumlah 6544, SLTP (Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama) 651, SMA (Sekolah Menengah Atas) 433, Taman Kanak-kanak 1714, sedangkan Madrasah Ibtidaiyah berjumlah 3880, Madrasah Tsanawiyah

---

<sup>268</sup>Mariam Muhamad Ali, *op. cit.*, h. 351

2440, Madrasah Aliyah 1586 dan RA (Raudhatul Athfal) 1258.<sup>269</sup> Dilihat dari jumlah angka di atas bermakna turut sertanya masyarakat Bawean dalam pendidikan Islam masih sangat tinggi hampir menyamai jumlah pelajar pendidikan umum.

Dilihat dari sumber ekonomi orang tua yang menjadi penyokong pembiayaan kepada pelajar-pelajar untuk terus mengikuti pengajian di institusi ini secara keseluruhan ialah menjadi petani dan nelayan. Selain itu sumber ekonomi orang tua pelajar ialah menjadi buruh dan sebahagian kecil sahaja yang menjadi pegawai kerajaan ataupun pedagang. Walaupun sumber ekonomi mereka kebanyakannya dari petani dan nelayan mereka tetap bersemangat mencari pengetahuan bersaing dengan masyarakat yang lain.<sup>270</sup>

Sementara secara keseluruhan pelajar-pelajar di institusi ini terdiri dari masyarakat di Pulau Bawean dan ada yang tinggal berhampiran sekolah, tinggal di asrama atau pondok, serta ulang alik dari rumah ke sekolah. Institusi pendidikan Islam sememangnya jelas sangat besar turut sertanya di kalangan pelajar-pelajar dan masyarakat tempatan. Ini jelas dengan adanya bukti di mana pelajar-pelajar tersebut memang berminat untuk belajar di institusi ini, sekalipun mereka tidak didorong oleh ibu bapa mereka, ditambah lagi setelah mendapat dorongan dari keduanya atau penjaga. Dari segi mata pelajaran pula, pelajar-pelajar tersebut lebih berminat untuk belajar tentang agama sama ada fiqah, bahasa arab, aqidah, sekalipun ada sebahagian kecil yang lebih berminat dengan mata pelajaran sains dan lain-lain. Oleh itu, minat pelajar-pelajar tersebut untuk belajar di institusi ini memang kerana dorongan untuk mencari pengetahuan dan memang untuk maju

---

<sup>269</sup>Sumber data didapatkan dari pejabat Pendidikan kecamatan Sangkapura dan kecamatan Tambak, 29 Ogos 2010

<sup>270</sup>*Ibid.*



yang muncul dari dalam diri sendiri. Ditambah lagi, dalam analisis ini tidak terdapat pelajar yang menjawab dengan tidak berminat untuk belajar di institusi ini. Namun demikian, yang lebih penting adalah minat pelajar yang tinggi untuk belajar dan orang tua masih mempunyai keinginan yang kuat untuk mempercayakan anak mereka belajar di institusi pendidikan Islam tersebut.<sup>271</sup>

#### **4. 2. 3 Pondok Mambaul Falah**

Pondok Mambaul Falah ini yang selanjutnya disingkat dengan (PP-MF).<sup>272</sup> Merupakan satu diantara sejumlah pondok yang ada di pulau yang terletak di laut Jawa, persisinya 80 batu di sebelah utara kabupaten Gresik. Pondok ini terletak di bahagian utara di dusun Tambilung sekitar 3,5 km dari kecamatan Tambak Pulau Bawean. PP-MF tumbuh menjadi pondok yang relatif berkembang dengan pesat dan terus memperbaiki keadaannya dengan tidak menutup diri secara ketat menghadapi perubahan zaman. Kemampuannya mengambil posisi yang tepat dengan tanpa harus kehilangan budaya khas-nya membuat PP-MF kelihatan beberapa nilai tambah dibanding pondok lainnya.

Asal mula pondok ini adalah surau dengan santeri (pelajar yang tinggal dalam pondok) “kalong” (sebutan untuk santeri yang tidak menetap) dengan aktiviti pengajian khusus malam hari. Awalnya kondisi fisik surau yang berlokasi di dusun Tambilung, desa Sokaoneng ini terbilang sangat sederhana. Pada tahun 1960-an,<sup>273</sup> di mana surau ini mulai dibangun, adalah masa-masa awal perencanaan dalam perjuangan membentuk asas dakwah melalui pendidikan. Bentuk surau ini di pulau Bawean umumnya bergaya rumah panggung khas

---

<sup>271</sup>Wawancara dengan sebahagian pelajar dari semua madrasah yang menjadi sampel penyelidikan selama penyelidikan berlangsung pada bulan Ogos dan Sepetember 2010

<sup>272</sup>Sumber data pondok Mambaul Falah ini hasil wawancara dengan K. H. Abdul Aziz Ismail sebagai pengasuh pondok pada tarikh 28 Ogos 2010

<sup>273</sup>Profil Pondok Pesantren Mambaul Falah Tambilung Tambak Bawean Gresik tahun 1960

melayu terbuat dari kayu dan ber dinding ghidang (terbuat dari anyaman bambu). Seperti umumnya surau, gaya bangunannya pun hanya berbentuk ruangan memanjang yang dijadikan tempat mengaji, sholat sekaligus tempat tidur para santeri. Santeri yang mengaji di surau inipun berasal dari anak-anak dusun di sekitar surau.

Aktiviti pengajian di surau ini hanya pada malam hari dan masanya disesuaikan dengan waktu sholat fardhu. Sholat magrib secara berjamaah dilanjutkan dengan pengajian al-Qur'an sampai tiba waktu sholat isya'. Selepas isya' dilanjutkan dengan pengajian kitab kuning. Santeri beristirahat dari aktiviti pengajian menjelang tengah malam sampai waktu sholat subuh. Dan aktiviti surau berakhir dengan pengajian al-Qur'an yang dilaksanakan selepas sholat subuh. Tidak jarang sebelum pulang ke rumah masing-masing para santeri diharuskan berkemas dan piket bersih-bersih lingkungan sekitar surau.

Pondok yang didirikan oleh K. H. Mansur ini terlihat mulai hidup ketika dengan tekad yang kuat dan kesabaran yang mendalam menerima amanat masyarakat untuk mendirikan pondok. Mulai saat itulah, dengan adanya santeri yang mukim (tinggal menetap), surau mengalami perubahan menjadi pondok. Perkembangan semakin tampak ketika pada tahun 1965 beliau mendirikan pendidikan formal Madrasah Ibtidaiyah (MI). Langkah pesantren semakin mendapat sambutan baru yang masih segar, begitu anak saudara beliau K. H. Maksun turut menjadi kekuatan yang akhirnya betul-betul menjadi penerus pengasuh dan pimpinan pesantren setelah K. H. Mansur meninggal dunia pada tahun 1983.

Respon masyarakat atas perkembangan yang terjadi pada masanya, mengharuskan pondok ini sentiasa betul-betul harus menjadi bahagian dari

dinamika masyarakat yang terus berkembang, tidak terkecuali atas kemajuan pengurusan pengorganisasian yang moden, pondok inipun akhirnya selain legalisasi yang lagi menjadi tuntutan, juga merubah diri dari model kepimpinan yang terpusat ke model kepimpinan kolektif dengan diperkenalkannya model yayasan. Yayasan ini langsung diketuai oleh anak tertua K. H. Maksom iaitu Drs. H. Mansur Maksom.

Dua tahun dalam kepimpinan K. H. Maksom, PP-MF semakin tampak mengalami kemajuan dengan didirikannya Madrasah Tsanawiyah pada tahun 1985. Harapan masyarakat semakin besar, reaksi positif ini mendorong didirikannya Madrasah Aliyah pada tahun 1988.

#### **4. 2. 4 Pondok Hasan Jufri**

Pondok Hasan Jufri ini keberadaannya tidak dapat dilepaskan dengan peranan dari K.H. Hasan Jufri yang terkenal sebagai seorang yang pandai dan cerdas dalam menguasai ilmu-ilmu agama Islam. Hal ini didukung oleh pendidikannya di pondok yang relatif lama, sehingga tidak heran ketika ia kembali ke Bawean banyak orang yang ingin menuntut ilmu darinya dan mendengarkan ceramahnya, tidak hanya dari orang tingkatan awam, tetapi juga dari para cerdik pandai lainnya, bahkan juga dari golongan para pegawai kerajaan tempatan.<sup>274</sup>

Pada awal mulanya pengajian dilangsungkan di desa Lebak di serambi rumah beliau sendiri sementara beliau berada di beranda rumah, pengajian ini dilaksanakan dengan menggunakan peralatan seadanya dengan menggunakan penerangan lampu gantung (*talpek*) dan obor (*oncor*). Santeri yang belajar pada

---

<sup>274</sup>Sumber data pondok pesantren ini hasil wawancara dengan K. H. Bajuri Yusuf sebagai pengasuh pondok pesantren, tarikh 28 Ogos 2010

mulanya tidak menetap datang dari rumah masing-masing pada masa pengajian berlansung. Lama-lama kepercayaan dan kegairahan masyarakat semakin besar, mereka tidak hanya datang dari Lebak dan sekitarnya, tetapi juga datang dari desa-desa lain yang cukup jauh yang mengharuskan mereka untuk menginap di Lebak. Seterusnya santeri yang datang semakin banyak bilangannya dan khawatir mengganggu ketenangan masyarakat di kampung tersebut, maka akhirnya K.H. Hasan Jufri memindahkan tempat pengajiannya ke Kebun Agung Lebak. Dikatakan bahawa tempat ini disebut Kebun Agung, kerana dahulu tempat ini merupakan tempat bercucuk tanam orang-orang besar yang ketika itu bertempat tinggal di dusun Pedalaman (tempat bermukimnya keluarga raja) di sebelah Sungai Raya, sehingga sampai hari ini tempat itu dikenal dengan sebutan Kebun Agung. Tempat ini pada mulanya merupakan tempat yang angker dan masih kosong berupa rawa-rawa, namun sekarang sudah menjadi tempat yang ramai.<sup>275</sup>

Dalam masa lima tahun kemudian santeri semakin ramai dan banyak. Untuk menampung santeri yang berdatangan dari desa yang jauh, beliau dan masyarakat bekerjasama membangun penempatan pondokan untuk tempat santeri menetap, surau dan rumah beliau. Bangunan yang didirikan sungguh sangat sederhana iaitu hanya menggunakan kerangka dari kayu dan bambu, dindingnya terbuat dari anyaman bambu (dalam bahasa Bawean disebut *kekes*) dan atap terbuat dari daun ilalang dan ketapang (*belik*) sebagaimana umumnya bangunan yang ada di pulau Bawean masa itu.

Santeri yang belajar pada masa itu tidak dikenakan biaya, hanya dengan kesadaran sendiri membantu beliau meringankan beban hidup kesahariannya dengan cara membantu mengambil kayu bakar dan terkadang juga membantu

---

<sup>275</sup>*Ibid.*

dalam penanaman padi di sawah, hanya dengan cara ini dapat mengurangi beban santeri dalam mengeluarkan biaya untuk pendidikan dan dengan cara seperti ini juga menjadikan masyarakat Bawean suka menuntut ilmu.<sup>276</sup>

Pengajian kitab dilaksanakan bagi santeri yang menetap dan santeri yang tidak menetap, sedangkan bagi masyarakat pengajian dilaksanakan dua kali dalam seminggu iaitu tepatnya pada isnin malam dan kamis malam. Pengajian ini diikuti oleh masyarakat secara umum dari Pulau Bawean baik yang dekat atau dari luar desa Lebak. Pada kedua masa ini Kebun Agung terlihat ramai orang berdatangan dan lantunan ayat suci dan shalawat nabi, namun ketika pengajian dimulai serentak menjadi sunyi dan sepi semua hadirin khusuk mendengarkan apa yang disampaikan beliau.

Beliau meninggal pada tahun 1940-an, pada masa itu puteranya dalam pengasuhan ibunya baru berumur 6 tahun belum mampu untuk menggantikan pengajian yang dibinanya. Selain itu juga, beliau tidak memberikan nama tertentu terhadap pengajian yang dibinanya ini, sebab pengajian tersebut berlangsung di surau dan belum banyak santeri yang mukim atau menetap dalam waktu yang lama, kecuali hanya sekadar bermalam selepas mengikut pengajian pada malam hari. Oleh sebab itulah, sememangnya pengajian tersebut di Kebun Agung belum dikenal sebagai pondok.<sup>277</sup>

Selepas beliau meninggal dunia pengajian ini diteruskan oleh K.H Yusuf Zuhri yang merupakan adik ipar kepada Hasan Jufri. Ia merupakan seorang tahfiz al-Qur'an 30 juzuk. Pada masa ini dilakukan penambahbaikan perluasan dan pembangunan gedung tempat mengaji.

---

<sup>276</sup>*Ibid.*

<sup>277</sup>Syaharul Adam (2005), *Pesantren Hasan Jufri Menatap Masa Depan Sejarah, Fakta & Cita*. Jakarta: Pustaka Lazuardi, h. 45

Namun dari segi jumlah santeri pada masa beliau ini terjadi penurunan jumlah santeri. Kalau pada masa Hasan jufri santeri banyak berdatang dari luar desa Lebak, tetapi pada saat ini hanya santeri yang berasal dari sekitar desa Lebak. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh kesibukan kyai Yusuf di luar pondok sebagai pedagang, terkadang meninggalkan pondok dalam masa relatif lama, walaupun ada santeri lain yang sudah dewasa menangani pondok tersebut.

Pada masa kepemimpinan beliau ini pengajian menekankan kepada fokus pengajian al-Qur'an, dibandingkan dengan pengajian ilmu-ilmu alat dan ilmu agama yang lainnya. Pengajian al-Qur'an dilangsungkan pada siang hari mulai pagi sampai akan menjelang sholat Zuhur. Selepas itu belajar ilmu-ilmu agama lainnya sampai menjelang sholat Ashar. Pengajian umum menghadirkan orang ramai yang dilaksanakan pada isnin malam dan khamis malam pada masa Hasan Jufri tidak diadakan lagi. Jadi pengajian pada masa ini hanya dilaksanakan untuk santeri sahaja. Selepas kurang lebih selama 40 tahun kyai Yusuf memegang pesantren ini, beliau berpulang ke rahmatullah pada tahun 1981.<sup>278</sup>

Pondok Hasan Jufri berdiri secara resmi setelah dipegang oleh K.H. Bajuri Yusuf menggantikan ayahnya dan juga membentuk yayasan untuk melindungi pendidikan formal yang didirikkannya. Beliau selepas menamatkan kuliahnya di Baghdad, diangkat oleh keluarga besarnya untuk meneruskan pembinaan pendidikan tersebut selepas ayahnya meninggal tahun 1981. Pengangkatan tersebut diterimanya dengan senang disertai beban yang berat memikul amanah untuk dapat mempertahankan dan memajukan warisan yang telah dirintis oleh orang tua beliau.<sup>279</sup>

---

<sup>278</sup>K. H. Bajuri Yusuf, 28 Ogos 2010

<sup>279</sup>Syahrul Adam, *op. cit.*, h. 47

Dengan pengabdian yang tulus disertai dengan pengalaman yang telah diperolehnya baik selama belajar di dalam maupun di luar negara, beliau berusaha membangun pondok dengan sungguh-sungguh. Pengabdian beliau kepada pondok dan masyarakat membuahkan hasil dibuktikan dengan banyaknya orang tua santeri menitipkan anaknya agar dididik di pondok ini. Seiring dengan itu, bertambah pulalah bilangan santeri di pondok ini.<sup>280</sup>

Aktiviti pondok ini dipusatkan di surau, sebab belum mempunyai bangunan khusus yang berfungsi sebagai tempat pengajian klasikal. Tempat pemukiman santeri juga dibangun di sekitar surau. Awal mulanya hanya terdiri dari satu bilik yang dianggap cukup untuk santeri yang ada, dengan bejalannya masa santeri semakin bertambah dan bertambah pula bilik-bilik santeri. Bilik-bilik tersebut dibangun dengan biaya dari sumbangan masyarakat dan orang tua santeri.

Aktiviti pengajian masih bersifat umum belum diklasifikasikan dalam bentuk kelas. Kyai Bajuri lepas sholat membaca kitab di depan santeri dan para santeri memberikan makna kitab tersebut sesuai dengan bacaan kyai. Dalam pesantren ini ada keunikan tersendiri dibanding pesantren yang lain di pulau Bawean, sebab pemberian makna kitab dengan bahasa Indonesia langsung dengan tetap mengikut kaedah bahasa Arab, memaknai kitab tidak dengan bahasa Jawa atau bahasa Madura. Pemakaian bahasa Indonesia ini jelas lebih mempermudah para santeri mencerna maksud kitab yang dipelajari.<sup>281</sup>

Pada perkembangan seterusnya, pondok melahirkan pendidikan formal Madrasah Tsanawiyah, Madrasah Aliyah. Dalam perkembangan yang dihasilkan ini beliau ada rencana untuk menjadikan bahasa Arab dijadikan bahasa percakapan sehari-hari dalam lingkungan pondok, namun para pelajar masih

---

<sup>280</sup>*Ibid.*

<sup>281</sup>K. H. Bajuri Yusuf, 28 Ogos 2010

kurang berminat dan terbebani dengan program ini. Sekalipun keadaannya demikian program bahasa Arab ini tetap dijalankan dalam bentuk hafalan.

#### **4. 2. 5 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama (MINU) 38 Miftahul Huda**

##### **Kepuhteluk**

MINU 38 Kepuhteluk adalah terletak di dusun Bengko Loar desa Kepuhteluk Kecamatan Tambak Kabupaten Gresik Pulau Bawean. Desa ini terletak kurang lebih 9 Km dari Kecamatan Tambak dan kurang lebih 15 km dari kecamatan Sangkapura.<sup>282</sup> MINU 38 Kepuh Teluk merupakan salah satu di antara pendidikan Islam tingkat dasar yang berada di desa Kepuh Teluk, tapi ia merupakan madrasah yang paling banyak diminati oleh masyarakat desa tempatan dan juga desa-desa jiran yang bersebelahan kerana di samping lokasinya strategi yakni perbatasan desa Kepuhteluk dan desa Kepuh Legundi dan juga berada di pusat aktiviti ekonomi masyarakat kedua desa tersebut, juga kerana dilengkapi dengan kemudahan serta fasiliti pendidikan yang tersedia dan mendukung.

Mayoriti penduduk desa Kepuhteluk sumber ekonominya ialah nelayan.<sup>283</sup> Kerana sememangnya letak desa Kepuhteluk berada di pesisir pantai bahagian timur Pulau Bawean dan ada juga sebahagian dari penduduk desa Kepuhteluk yang sumber ekonominya bertani, berdagang, serta kerajinan tangan dan sedikit yang menjadi sebagai pegawai kerajaan. Meskipun demikian, perhatian masyarakat terhadap pendidikan anak-anak mereka tetap mendapat keutamaan, hal ini terbukti dari banyaknya anak-anak mereka yang melanjutkan pendidikan ke jenjang yang lebih tinggi dan bahkan keperguruan tinggi di daratan Pulau Jawa bahkan ke luar negara.

---

<sup>282</sup>Sumber data dari pejabat desa Kepuh Teluk, tarikh 23 Ogos 2010

<sup>283</sup> *Ibid.*



Lokasi madrasah ini asal mulanya berupa tanah perkuburan yang diwakafkan oleh masyarakat setempat, hal ini berlaku disebabkan ketiadaan tempat untuk membangun gedung madrasah, maka secara tidak langsung menimbusi tanah perkuburan tersebut seluas 666 meter persegi dan luas bangunan 150 meter persegi.<sup>284</sup>

Pada masa awal berdirinya madrasah ini diberi nama MIM (Madrasah Ibtidaiyah Ma'arif) dan pada saat madrasah tidak masuk pagi melainkan masuk petang hari. Namun setelah adanya peraturan dari kerajaan dengan menetapkan kebijakan setiap sekolah yang beridentiti madrasah Ibtidaiyah harus masuk pagi, oleh itu mengikut terhadap kebijakan kerajaan madrasah ini merubah aktiviti belajar pada pagi hari.

MINU 38 Kepuhteluk merupakan salah satu madrasah Ibtida'iyah di desa Kepuhteluk yang didirikan pada tanggal 6 Januari 1975 oleh Masyarakat di desa Kepuhteluk dengan lokasi seluas 2000 M<sup>2</sup> luas seluruh bangunan madrasah sekitar 1000 M<sup>2</sup>, sedangkan status tanahnya adalah tanah wakaf.<sup>285</sup>

Madrasah ini pada awal mulanya bernama Madrasah Ibtidaiyah Ma'arif Kepuhteluk, kemudian lama kelamaan berubah nama menjadi MINU 61. Selanjutnya berubah lagi, kerana terjadi penertipan nama madrasah oleh LP Ma'arif yang kemudian berubah nama menjadi MINU 38 Kepuhteluk dan sampai ke saat ini tidak pernah terjadi lagi perubahan nama.<sup>286</sup>

Walaupun MINU 38 Kepuhteluk berada di bawah naungan Lembaga Pendidikan Ma'arif NU Cabang Bawean, tapi kurikulum yang diguna pakai

---

<sup>284</sup>Wawancara dengan Mursyid S. Ag sebagai pengetua madrasah Madrasah Ibtidaiyah Nandlatul Ulama 38 Miftahul Huda Kepuh Teluk, tarikh 22 Ogos 2010

<sup>285</sup>Surat permohonan penubuhan Madrasah Ibtidaiyah Nandlatul Ulama 38 Miftahul Huda Kepuh Teluk tahun 1975

<sup>286</sup>*Ibid.*

merupakan kombinasi antara kurikulum Dinas Pendidikan Nasional dan Departemen Agama sehingga banyak pengamat pendidikan yang mengatakan bahwa MINU 38 Kepuhteluk itu adalah Sekolah Dasar plus.

Sejak mula berdiri pada tahun 1975 sampai sekarang MINU 38 Kepuhteluk telah beberapa kali mengalami pertukaran pengetua madrasah. Sebagai pengetua madrasah pertama sekali ialah alm. K. H. Hamim Asy'ari yang merupakan tokoh masyarakat Kepuhteluk sampai 1998. Dari sejak berdirinya sudah lima kali pertukaran pengetua madrasah, pengetua madrasah kedua iaitu ustaz Abdu Ulum, seterusnya Saukan, S, Pd.I dan selepas itu ustaz Ahsanul Haq pada masa inilah madrasah berkembang pesat dan mampu bersaing dengan madrasah-madrasah lain. Sementara sekarang jawatan pengetua madrasah dipegang oleh Mursyid, S. Ag.<sup>287</sup>

Pertukaran pengetua madrasah tersebut di atas berasaskan kepada kebutuhan dan tuntutan pendidikan, tidak berasaskan kepada peraturan formal lembaga. Oleh sebab itu, pertukaran pengetua madrasah tidak tergantung kepada periode dan masa jawatan yang berlaku, akan tetapi sejak tahun pelajaran 2003 - 2004 pertukaran pengetua madrasah mengalami perubahan dengan berasaskan kepada AD/ART lembaga yang membatasi jawatan pengetua madrasah hanya dalam masa tiga tahun sahaja.<sup>288</sup>

#### **4. 2. 6 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama (MINU) 40 Asrarul Ulum**

##### **Kepuh Legundi**

Latar belakang berdirinya madrasah ini merupakan hasil pemikiran dari beberapa orang tokoh masyarakat Kepuh Legundi sendiri yang mengadakan

---

<sup>287</sup>Wawancara dengan Ahsanul Haq sebagai bekas pengetua Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Miftahul Huda Kepuh Teluk pada tahun 1999 - 2006, tarikh 23 Ogos 2010

<sup>288</sup>*Ibid.*

musyawarah dengan tujuan untuk mendirikan sebuah institusi pendidikan, maka dengan modal kesepakatan dan gotong royong dan saranan daripada masyarakat yang lain, berdirilah madrasah ini pada tahun 1953.<sup>289</sup> Para tokoh masyarakat tersebut seperti R. H. Abdul Aziz sebagai tokoh utama dalam perintisan awal institusi pendidikan ini. Beliau memulai aktiviti pendidikan dari rumah beliau dengan hanya mengajar mengaji al-Qur'an sama seperti pada umumnya di tempat lain di pulau Bawean. Walaupun telah berdiri institusi madrasa pengajian di rumah beliau tetap dijalankan. Para tokoh masyarakat mendirikan institusi pendidikan ini sebenarnya kerana melihat dengan keadaan masyarakat yang masih buta aksara. Di samping itu, institusi pendidikan dari desa atau kampung tersebut terlalu jauh untuk didatangi. Sememangnya jarak antara desa ke desa di pulau Bawean terlalu jauh, apalagi dengan desa yang ada institusi pendidikan seperti Sangkapura. Di tambah lagi pada masa dahulu masyarakat belum mempunyai kemudahan transportasi atau jarang sekali masyarakat yang mempunyai motor sikal seperti sekarang ini.<sup>290</sup>

Melihat kepada kebutuhan masyarakat terhadap pendidikan dan keadaan masyarakat yang masih buta aksara, maka muncul ide dari beberapa orang tokoh masyarakat untuk mendirikan sebuah pendidikan formal agar menjadikan masyarakat pandai membaca dan tidak tertinggal dalam hal pendidikan formal. Pada masa-masa awal penubuhan ini sumber tenaga manusia atau tenaga pengajar sangat terhad hanya orang-orang yang lepasan pesantren. Sehingga subjek-subjek yang diajarkan hanya terhad kepada pengetahuan agama semata seperti al-Qur'an surah-surah pendek, tajwid, fiqh mengenai cara-cara beribadah dan tauhid.

---

<sup>289</sup>Surat permohonan penubuhan Madrasah Ibtidaiyah 40 Asrarul Ulum tahun 1958

<sup>290</sup>Wawancara dengan Manshuri sebagai bekas pengetua madrasah pada tahun 1987 - 1995 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi, tarikh 26 Ogos 2010

Dari segi kemudahan bangunan awal madrasah ini terdiri dari atap yang terbuat dari daun rumbia, bertiang buluh dan berinding yang terbuat dari ayaman buluh (kekes dalam bahasa Bawean). Walaupun keadaanya demikian, aktiviti madrasah tetap berjalan dengan mudah dan lancar kerana semangat para perintis dan sokongan yang kuat dari masyarakat. Dengan berjalannya masa, maka madrasah ini mengalami kemajuan dengan berbagai perubahan dan kebijakan, oleh sebab itu pada tahun 1958 intitusi ini dapat perhatian dari kerajaan di bawah pengawasan Departemen Agama dengan memberikan penghargaan dan surat pengakuan pendiriannya.

Dari sejak mula lagi berdirinya madrasah ini sudah enam kali terjadi pertukaran pengetua madrasah. Pengetua madrasah pertama sekali ialah R. H. Abdul Aziz, kemudian R. Abdullah, Manshuri, Chomaidi dan Abdul Gharib. Sementara sekarang ini jawatan pengetua madrasah dipegang oleh Bahrn Naim. Dengan segala usaha yang ada dicurahkan untuk memajukan madrasah ini, supaya dapat bersaing dengan institusi-institusi yang lain di pulau Bawean. Akhirnya pada tahun 1978 usaha tersebut membawa hasil dengan dapat bantuan dana dari kerajaan yang dibuat untuk pembangunan gedung.<sup>291</sup>

#### **4. 2. 7 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama (MINU) 08 Teluk Dalam**

Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama (MINU 08) ini bermula dari pengajian yang dilaksanakan di serambi rumah pada tahun 1952 oleh kyai Abdurrahman dan banyak lagi di tempat-tempat lain yang melaksanakan pengajian di rumah. Pengajian ini diikuti oleh anak-anak di kampung tersebut, setelah berjalan beberapa tahun aktiviti pengajian sempat terhenti, disebabkan

---

<sup>291</sup>Wawancara dengan Bahrn Naim sebagai pengetua Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi, tarikh 26 Ogos 2010

kesibukan beliau dengan aktiviti di luar dan tidak ada yang menggantikan untuk pengajian tersebut. Oleh itu, beliau melihat peluang ini dengan merubah sistem belajar kepada cara yang lebih maju dan lagi kalau tidak ditubuhkan institusi pendidikan formal pelajar-pelajar tersebut tidak dapat bersaing dengan pendidikan di tempat-tempat lain. Kerana demikian, rencana tersebut dilaksanakan dengan mendirikan institusi madrasah pada tahun 1958 oleh Kyai Abdurrahman dengan memperbaharui metode belajar - mengajar yang dilaksanakan di serambi rumah beliau. Beliau juga mengajak tokoh masyarakat yang lain seperti kyai Hilmi untuk merealisasikan pemikiran beliau mengenai penubuhan madrasah, gagasan penubuhan madrasah ini di persetujui oleh kyai Hilmi.<sup>292</sup>

Maka pada tahun itulah madrasah ini ditubuhkan. Aktiviti belajar - mengajar pada asal mulanya dilaksanakan di masjid jami' Teluk Dalam dengan beberapa orang murid yang boleh dihitug dengan jari. Pada masa-masa awal ini subjek yang diajarkan hanya terhad kepada pelajaran agama sahaja seperti al-Qur'an, tauhid, fiqih, akhlak dan lain-lain. Sementara yang menjadi pengetua madrasah pertama sekali dipegang oleh kyai Abdurrahman sendiri dan dibantu oleh yang lainnya sebagai pengurus seperti kyai Hilmi, kyai Shodik dan kyai Umar Husin.

Dari beberapa orang murid ini berkembang lebih banyak mencapai 10 – 40 orang murid kurang lebih selepas beberapa tahun berjalan aktiviti madrasah ini. Walaupun pelaksanaan belajar - mengajar ditempatkan di masjid para pelajar tetap bersemangat. Dengan berjalannya masa, madrasah ini semakin mengalami kemajuan dan pertambahan murid yang semakin meningkat sekalipun tempat belajar sangat sederhana dan kurang selesa. Dengan adanya peningkatan pelajar

---

<sup>292</sup>Wawancara dengan Rusydi sebagai bekas pengetua Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 08 Teluk Dalam, tarikh 27 Ogos 2010

bertambah ramai sehingga mengganggu aktiviti orang yang beribadah dan menimbulkan kebisingan. Maka pada tahun 1960 ada beberapa orang masyarakat yang mengambil berat keadaan madrasah ini dengan mewakafkan sebidang tanah mereka untuk dijadikan tempat proses belajar - mengajar. Adapun lokasi tanah yang diwakafkan tersebut terletak di sebelah timur sungai di desa Teluk Dalam. Mulai dari sinilah madrasah ini berkembang maju sehingga pada tahun 1962 institusi pendidikan ini didaftarkan kepada Ma'arif yang membawahi institusi pendidikan Islam yang ada di pulau Bawean, pada masa itu pejabat Ma'arif terletak di desa Pakalongan.<sup>293</sup>

#### **4. 2. 8 Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud**

Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud Sangkapura merupakan sekolah menengah agama yang paling awal berdiri dan satu-satunya di Pulau Bawean di masa-masa mula tertubuhnya. Sekolah ini juga sering mengalami perubahan nama disebabkan hal-hal tertentu. Pada awal penubuhannya tahun 1935 sekolah ini bernama Madrasah *Thalafatus Sufliyah*.<sup>294</sup> Pada mula berdirinya sekolah ini sangat pesat perkembangannya, sehingga dibuka kelas belajar sampai kelas VII. Kemudian pada tahun 1940 sekolah ini berubah nama menjadi Madrasah *Hidayatul Oeloem* (MHO). Oleh kerana pesatnya perkembangan para pelajar dan banyak masyarakat yang berminat terhadap pendidikan, maka pada tahun 1958 Kyai R. Sulaiman mendirikan *Sekolah Menengah Islam Nahdlatul Ulama* (SMINU). Di masa itu beliau (Kyai R. Sulaiman) sendiri sebagai pengasas dan sebagai pengetua Kyai R. Abdurrahman. Berdirinya sekolah ini banyak dikagumi

---

<sup>293</sup>*Ibid.*

<sup>294</sup>Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud (t. t), "Riwayat Singkat Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud Sangkapura" (Bawean Sangkapura), h. 1

oleh orang-orang Gresik, disebabkan terletak di daerah yang sangat terpencil, di samping sulitnya kendaraan yang menghubungkan Gresik dengan pulau Bawean. Pengangkutan yang ada di masa itu hanya perahu yang menggunakan tenaga angin atau layar, bukan tenaga mesin pada zaman sekarang yang menghubungkan Gresik dan Pulau Bawean.<sup>295</sup>

Tetapi dengan berjalannya masa, sekolah ini hanya bertahan selama satu periode yaitu selama tiga tahun, sehingga pada tahun 1962 sekolah ini bubar. Bubarnya sekolah ini disebabkan sulitnya mencari tenaga pengajar di masa itu. Ia termasuk kurangnya minat anak-anak di Pulau Bawean terhadap pendidikan dan kurang pesatnya perkembangan anak-anak. Di samping itu, masih adanya pola pikir lama yang mempengaruhi masyarakat yang mengatakan bahwa pendidikan agama kurang memberi jaminan terhadap masa depan.<sup>296</sup>

Setelah beberapa tahun bubar, kemudian berdiri lagi pada bulan Februari 1967 dengan berubah nama menjadi madrasah *Mu'allimin Mu'allimat Nahdlatul Ulama (MMNU)*. Namun nama ini hanya mampu bertahan selama satu tahun, selepas itu berubah menjadi madrasah *Tsanawiyah Assyafi'iyah Nahdlatul Ulama*. Tetapi nama ini juga mengalami perubahan kerana keadaan politik di tanah air yang membawa akibat yang tidak baik pada perkembangan pendidikan Islam yang dilabelkan dengan organisasi kemasyarakatan tertentu. Namun yang perlu di ambil perhatian dalam beberapa kali pergantian nama, sekolah ini tidak menghilangkan objektif utama tujuan daripada pendidikan Islam.<sup>297</sup>

Sekolah ini telah ditubuh dan diasaskan pertama sekali oleh Bapa Kyai Raden Badruddin (ayah dari Kyai R. H. Abdurrahman). Beliau adalah seorang

---

<sup>295</sup>*Ibid.*

<sup>296</sup>Wawancara dengan K. H. R. Abdurrahman keturunan ke-12 Umar Mas'ud, tarikh 26 Jun 2008

<sup>297</sup>*Ibid.*

tokoh agama yang amat dihormati. Pada zaman kemerdekaan tahun 1946, beliau diangkat menjadi Wedana (pembantu Bupati Gresik) di Bawean atas sokongan masyarakat. Beliau meninggal dunia di Tuban dan dikebumikan di kompleks Pasarean Sunan Bonang. Madrasah *Thalafatus Sufliyah* kemudian dilanjutkan oleh adik beliau bernama Kyai Raden Sulaiman. Beliau juga seorang tokoh agama yang amat dihormati. Sebahagian besar kehidupan beliau dihabiskan untuk pendidikan agama sama ada di Surau, Madrasah dan di pengajian-pengajian.<sup>298</sup>

Pada bulan Februari 1967 Kyai Raden Sulaiman bersama-sama Kyai Raden Abdurrahman, Kyai Raden Muhammad Hamim dan beberapa tokoh yang lain mendirikan *Madrasah Mu'allimin Mu'allimat Nahdlatul Ulama* (MMNU). Kyai Raden Muhammad Hamim sebagai ketua pengurus dan Kyai Raden Abdurrahman sebagai pengetua madrasah. Pengurus membentuk wadah bernama Taman Pendidikan Islam Nahdlatul Ulama. Perkembangan selanjutnya MMNU membuahakan Sekolah Menengah Pertama Umar Mas'ud dan Sekolah Menengah Atas Umar Mas'ud.<sup>299</sup>

Dalam bulan Ogos 1968 Kyai Raden Sulaiman menubuhkan lagi madrasah yang diberi nama *Madrasah Tsanawiyah Assyafi'iyah*. Madrasah ini hanya mengasuh pelajar-pelajar perempuan. Pengetua madrasah dan pengurus langsung dipegang beliau, sedang bahagian pentadbiran dilaksanakan oleh Raden Abdurrahim. Tetapi sayang beliau tidak lama memangku madrasah Tsanawiyah Assyafi'iyah ini kerana pada tarikh 03 Ogos 1969 beliau meninggal dunia dalam satu aktiviti kunjungan ke madrasah di Balikbak Gunung (Gunung Teguh), beliau

---

<sup>298</sup>*Ibid.*

<sup>299</sup>Wawancara dengan Mohamad Hanafiyah, S. Pd Pengetua Yayasan Pendidikan Islam Umar Mas'ud, tarikh 23 Mei 2008



dimakamkan di makam gunung Maloko', di komplek makam Pangeran Purbonegoro Sawahmulya.<sup>300</sup>

Selanjutnya Madrasah Tsanawiyah Assyafiiyah dipimpin oleh Raden Abdurrahman sedang pentadbiran langsung dipegang Kyai Raden Muhamad Hamim. Pada tahun 1971 semua lembaga pendidikan Islam di Pulau Bawean di bawah pengawasan Nahdlatul Ulama (Taman Pendidikan Islam Nahdlatul Ulama).<sup>301</sup> Kerana keadaan politik saat itu, maka Madrasah Nahdlatul Ulama dirubah menjadi Madrasah Umar Mas'ud. Sedang madrasah Tsanawiyah Assyafiiyah berubah nama menjadi Madrasah Tsanawiyah Assyafiiyah Umar Mas'ud dan akhirnya namanya ditukar lagi menjadi Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud sehingga ke hari ini.<sup>302</sup>

Keadaan sekolah ini semakin maju dan berkembang pada saat ini dengan jumlah pelajar yang semakin meningkat. Pemangku pengetua sekolah sekarang ialah Dra. Fatimah Ismail.<sup>303</sup>

#### **4. 2. 9 Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri**

Secara majoriti santeri yang belajar di pondok Hasan Jufri telah menyelesaikan pendidikan dasar, sama ada sekolah dasar (SD) maupun madrasah Ibtidaiyah. Semakin hari jumlah santeri yang belajar di pondok ini bertambah jumlahnya dan tidak tersedianya pendidikan formal, sehingga para santeri yang ingin melanjutkan pendidikan formal ke tingkatan yang lebih tinggi harus melanjutkan di luar pondok. Oleh demikian, melihat pada banyaknya santeri yang

---

<sup>300</sup>*Ibid.*

<sup>301</sup>Wawancara dengan Mohamad Hanafiyah, S. Pd Pengetua Yayasan Pendidikan Islam Umar Mas'ud, tarikh 24 Mei 2008

<sup>302</sup>*Ibid.*

<sup>303</sup>Lihat lampiran A (v) Struktur Organisasi Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud tahun 2005

semakin hari bertambah banyak jumlahnya dan sangat berminat untuk melanjutkan pada pendidikan formal, maka pada tahun 1983 dibukalah sekolah menengah pertama yang berupa Madrasah Tsanawiyah dengan jumlah pelajar 86 orang.<sup>304</sup>

Dibukanya Madrasah Tsanawiyah ini atas idea atau cadangan K.H. Bajuri Yusuf dan beliau sekaligus menjadi guru besar dalam masa periode awal, tetapi selang berapa waktu tanggung jawab ini diserahkan kepada bapa Moch. Achsan, sedangkan K. H. Bajuri hanya sebagai penanggung jawab sahaja dan beliau lebih memfokuskan kepada urusan pesantren. Beliau memilih dan membuka madrasah ini kerana melihat peluang yang ada, di mana sikap terhadap agama dikalangan masyarakat Bawean masih sangat tinggi. Mereka mempunyai anggapan bahawa pendidikan agama ini lebih penting dan utama dibanding dengan pendidikan yang lain.<sup>305</sup>

Permulaan pembukaan madrasah ini hanya mempunyai dua kelas atau ruang belajar. Tempat ini dibangun dengan dana swadaya masyarakat dan bantuan keluarga dari pondok tersebut. Pembangunan ruangan kelas dilakukan oleh para santeri dengan membakar batu kapur dan mengangkut pasir secara bergotong-royong.<sup>306</sup>

Usaha pembukaan madrasah ini disambut baik oleh masyarakat. Sambutan baik ini terbukti dari siswa yang belajar tidak hanya dari para santeri sahaja, tetapi juga dari penduduk di sekitar lingkungan pondok dan tempat-tempat lain di Pulau Bawean. Sehingga dengan adanya sokongan demikian dari masyarakat, institusi

---

<sup>304</sup>Syahrul Adam, *op. cit.*, h. 54

<sup>305</sup>*Ibid.*, h. 55

<sup>306</sup>Wawancara dengan K. H. Bajuri Yusuf sebagai ketua yayasan dan pengasuh pondok Hasan Jufri, tarikh 27 Feb 2009

ini berkembang sangat maju sampai sekarang. Sementara pemangku pengetua sekarang dipegang oleh bapa Nazaruddin S.Pd.<sup>307</sup>

#### **4. 2. 10 Madrasah Aliyah Miftahul Huda Kepuh Teluk**

Melihat pada banyaknya institusi pendidikan yang ada di Kepuh Teluk mulai dari tingkatan dasar dan tingkatan menengah, maka pelajar yang lulus dari tingkatan menengah memerlukan madrasah lanjutan sebagai jenjang pendidikan formal yang lebih tinggi yakni madrasah Aliyah. Kalau masyarakat tidak menyediakan madrasah tersebut bermakna pelajar yang lulus dari madrasah menengah harus menyambung pelajarannya di tempat lain atau ke Pulau Jawa kalau tidak berhenti dari melanjutkan pendidikan.

Mengingat tingkat ekonomi masyarakat yang ada di Kepuh Teluk berlainan dan kebanyakannya sumber perekonomian mereka sebagai petani dan nelayan, di samping hanya beberapa peratus yang menjadi pedagang dan pegawai kerajaan atau dengan kata lain tergolong dalam masyarakat tingkat ekonomi menengah ke bawah. Bagi masyarakat yang mampu tidak ada persoalan untuk melanjutkan pendidikan di tempat lain, namun bagi masyarakat yang kurang mampu secara ekonomi, sementara minat mereka belajar sangat tinggi ia menjadi persoalan yang harus segera dicari penyelesaiannya, bagi yang kurang mampu kalau tidak ada madrasah di kampung sendiri ia harus berhenti dari pendidikan dan tidak dapat melanjutkan. Oleh yang demikian ditubuhkannya madrasah ini bermula dari 18 orang pelajar yang tidak mampu untuk melanjutkan pendidikan di tempat lain. Ditubuhkannya madrasah ini sangat membantu sekali bagi mereka yang kurang mampu secara ekonomi untuk melanjutkan pendidikan formal di tempat lain atau di pulau Jawa, maka sewajarnya ditubuhkannya madrasah yang

---

<sup>307</sup>Lihat lampiran A (vi) Struktur Organisasi Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri tahun 2008

lebih tinggi dari madrasah-madrasah sebelumnya yang ada di Kepuh Teluk, di samping itu sokongan masyarakat terhadap pendidikan sangat tinggi. Keadaan inilah yang dapat dibaca oleh Hamim Asy'ari sebagai pengasas pertama, juga sekaligus menjadi pengetua dan sebagai tokoh masyarakat yang berperanan dalam penubuhan institusi madrasah ini.<sup>308</sup>

Selain itu, melihat pada jumlah pelajar yang lulus dari madrasah tingkat menengah yang relatif banyak, maka tidak boleh tidak harus segera untuk memikirkan mendirikan sebuah institusi yang lebih tinggi. Maka selepas melalui proses musyawarah antara tokoh masyarakat, orang tua wali murid dan guru-guru yang ada dengan pertimbangan kebutuhan yang mendesak, akhirnya dengan keputusan yang bulat disetujui penubuhan madrasah Aliyah dengan konsekwensi terlebih dahulu harus melengkapi infrastruktur sesuai dengan standar yang dibutuhkan untuk penyelenggaraan pendidikan menengah atas.

Madrasah Aliyah tersebut ditubuhkan beberapa tahun sebelumnya namun yang didaftarkan di Departemen Agama untuk pengeperasionalannya pada tahun 2002 oleh masyarakat Kepuh Teluk. Pada awal ditubuhkan madrasah ini hanya mempunyai satu kelas iaitu terdiri dari kelas 1 sahaja dan pelajar hanya berjumlah 19 pelajar yang terdiri dari 15 pelajar lelaki dan 4 pelajar perempuan.<sup>309</sup> Pelajar pertama madrasah ini dari masyarakat setempat yang belajar di madrasah Tsanawiyah dan dari masyarakat jiran-jiran tetangga desa Kepuh Teluk.

Pada mula dikeluarkan izin operasionalnya madrasah ini sebagai pengetua dipegang oleh Mursyid, S. Ag yang sekarang menjabat sebagai pengetua

---

<sup>308</sup>Wawancara dengan Miswaki, S. Ag sebagai pengetua Madrasah Aliyah Nurul Huda Kepuh Teluk, tarikh 25 Ogos 2010

<sup>309</sup>Surat permohonan penubuhan Madrasah Aliyah Miftahul Huda Kepuh Teluk, Kecamatan Tambak Bawean Gresik 2002

madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Kepuh Teluk.<sup>310</sup> Penubuhan madrasah ini tidak jauh dengan madrasah-madrasah lain yang ada di pulau Bawean mengalami hambatan dari segi pembangunan fisik dan keuangan. Madrasah ini bertempat di lahan seluas 60 x 115 meter persegi. Oleh itu untuk menyelesaikan persoalan tersebut semua usaha dijalankan baik melalui bantuan masyarakat, donator atau perseorangan yang mempunyai rasa perhatian terhadap pendidikan.

#### **4. 2. 11 Madrasah Aliyah Mambaul Falah**

Latar belakang berdirinya Madrasah Aliyah ini tidak lepas dari kemajuan pondok Mambaul Falah Tambilung yang sebelumnya dengan sukses mendirikan Madrasah Ibtidaiyah dan Madrasah Tsanawiyah Mambaul Falah dengan urutan pelajar terbanyak kedua di seluruh Bawean selepas Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri Lebak. Setelah beberapa tahun berdiri Madrasah Tsanawiyah bermakna pelajar madrasah tersebut membutuhkan madrasah tingkat lanjutan sebagai jenjang pendidikan formal yang lebih tinggi iaitu Madrasah Aliyah. Kalau pondok tidak menyediakan madrasah tersebut bererti pelajar atau santeri harus sambung pengajian di tempat lain atau kalau tidak berhenti dari pendidikan formal.<sup>311</sup>

Mengingat jumlah lulusan Madrasah Tsanawiyah relatif banyak, maka pengurus pondok melalui proses musyawarah antara keluarga dan tenaga pengajar dengan mempertimbangkan kebutuhan yang mendesak, pada akhirnya diputuskan penubuhan Madrasah Aliyah dengan melengkapi kemudahan prasarana yang sesuai dengan standar yang dibutuhkan penyelenggaraan pendidikan menengah atas.

---

<sup>310</sup>*Ibid.*

<sup>311</sup>Wawancara dengan K. H. Abdul Aziz Ismail sebagai pengasuh pondok Mambaul Falah, tarikh 27 Ogos 2010

Madrasah Aliyah ini berdiri pada tahun 1985. Pelajar pertama merupakan pelajar-pelajar dari lulusan Madrasah Tsanawiyah, di samping juga ada pelajar dari madrasah lain. Dari sejak berdirinya madrasah ini sebagai pengetua dipercayakan kepada Drs. Saiful Ahmad, beberapa tahun kemudia diganti oleh Drs. Suhnan, MM.<sup>312</sup>

Didirikannya madrasah tingkat atas ini cukup penting dan sangat bererti kepada desa tersebut, kerana jiran-jiran desa di sekitarnya banyak berdiri pendidikan dasar. Penubuhan institusi pendidikan formal ini merupakan cita-cita dari keluarga pondok sejak mula lagi. Setelah madrasah tingkat menengah berdiri berjalan dengan lancar dan maju, maka beberapa tahun kemudian sewajarnya berdiri Madrasah Aliyah.

Selain itu, pengurus pondok melihat kepada keadaan dusun Tambilung khasnya, masih belum ada yang mendirikan Madrasah Aliyah dan umumnya di Pulau Bawean masih terhad, sementara di sekitar jiran dusun tersebut ada beberapa berdiri institusi pondok seperti pondok Mambaul Hikam yang didirikan oleh Kyai Muhamad Hasan dan lain-lain masih belum mempunyai institusi pendidikan formal. Dengan adanya institusi madrasah ini, santeri pondok-pondok tersebut merupakan kesempatan untuk menarik para santeri tersebut untuk menyambung pendidikan formal di madrasah yang didirikan ini. Dan sememangnya pondok itu harus ada pendidikan formal kerana untuk memenuhi tuntutan zaman, di samping itu kalau pondok tidak ada pendidikan formalnya tidak akan mengalami kemajuan dan kurang diminati oleh masyarakat. Oleh itu, penubuhan institusi madrasah ini merupakan keputusan yang sangat bijak untuk memajukan masyarakat yang bersaing dengan lainnya.

---

<sup>312</sup>*Ibid.*

Di samping masyarakat desa Sokaoneng berminat untuk melanjutkan pendidikannya ke jenjang yang lebih tinggi dan agar tidak melanjutkan di tempat lain atau di luar Pulau Bawean, maka dengan adanya institusi ini lebih memudahkan masyarakat tersebut untuk mengenyam pendidikan. Juga, dengan adanya institusi formal ini menambah perbaikan terhadap keadaan institusi pondok - pondok yang ada. Hal ini menjadi perkembangan yang baik bagi masyarakat dusun Tambilung khususnya dan masyarakat Bawean pada umumnya. Dengan sokongan dan kepercayaan masyarakat yang meluas untuk menitipkan anak-anak mereka di madrasah ini, maka pada tahun - tahun berikutnya perjalanan madrasah ini menjadi semakin maju dan berkembang baik fisikal dan jumlah pelajar.<sup>313</sup>

#### **4. 3 Perkembangan Lembaga Pendidikan Islam di Bawean**

Perkembangan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Bawean ini dapat dilihat dari berbagai-bagai aspek di antaranya ialah perkembangan kualiti pendidik, peserta didik dan perubahan kurikulum dari masa ke semasa. Hal inilah yang akan dijelaskan dalam perkembangan pendidikan Islam di Pulau Bawean.

##### **4. 3. 1 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Miftahul Huda Kepuh Teluk**

Madrasah ini mengalami perkembangan dengan pesat sejak tahun 2000 yang mana pada masa itu pengetua madrasah dipegang oleh Ahsanul Haq. Pada masa ini madrasah ini mampu bersaing dengan madrasah-madrasah lain yang ada di pulau Bawean, baik kemudahan prasarana yang merupakan faktor utama yang paling penting dalam proses belajar mengajar. Kemudahan prasarana merupakan

---

<sup>313</sup>*Ibid.*

fasiliti dalam memperlancar jalannya proses pembelajaran. Tanpa adanya fasiliti yang mendukung atau yang memadai, proses belajar mengajar akan sulit untuk dicapai, bahkan kemungkinan besar proses belajar mengajar tidak akan berhasil.

MINU 38 Kepuhteluk juga memiliki fasiliti - fasiliti yang memadai dan sangat membantu dalam proses belajar mengajar, sehingga dalam pelaksanaan belajar mengajar dengan efektif dan efisien dan tujuan pembelajaran yang ditetapkan akan dicapai dengan baik.

Dalam aktiviti belajar mengajar, MINU 38 Kepuhteluk memiliki prasarana gedung sendiri 6 lokal bilik belajar, yang terdiri dari 2 bilik guru, 1 bilik pentadbiran, 1 bilik pengetua madrasah, 1 bilik untuk tempat sembahyang atau surau, 1 bilik perpustakaan, 2 buah tandas, 1 buah kamar mandi, 1 unit komputer, 1 kanten untuk pelajar, seperangkat peralatan olah raga, tempat olah raga, 1 tempat letak kenderaan. Dan 2 lapangan olah raga untuk sepak bola dan sepak takraw, dengan adanya fasiliti ini, aktiviti pelajar berjalan dengan lancar dan tenang sekalipun masih banyak yang perlu diperbaiki.<sup>314</sup>

Selain fasiliti yang tersedia, juga keberadaan pelajar merupakan faktor yang penting dalam pendidikan, karena anak didik merupakan hal yang utama dalam pendidikan. Dalam proses belajar - mengajar tidak mungkin berjalan efektif dan normal tanpa adanya peserta didik, karena itu keadaan peserta didik sangat dibutuhkan. Dilihat dari statistik pelajar sejak lima tahun terakhir, terjadi jumlah peningkatan pelajar terbanyak pada tahun 2008. Berikut ini jadual perkembangan keadaan pelajar di Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Kepuhteluk.<sup>315</sup>

#### **Jadual 4. 4**

#### **Keadaan pelajar MINU 38 Kepuh Teluk**

---

<sup>314</sup>Laporan Individu Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Kepuh Teluk 2009

<sup>315</sup>Statistik siswa Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Kepuh Teluk 2005 - 2010



### **tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>IV</b>	<b>V</b>	<b>VI</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2005 – 2006</b>	24	20	17	17	18	16	<b>112</b>
<b>2006 – 2007</b>	22	25	21	15	15	17	<b>115</b>
<b>2007 – 2008</b>	26	16	22	21	16	17	<b>118</b>
<b>2008 – 2009</b>	25	26	16	22	21	16	<b>126</b>
<b>2009 – 2010</b>	16	25	26	17	21	18	<b>121</b>

Sumber: Statistik Madrasah 2005 - 2010

Sementara keadaan tenaga pengajar di MINU 38 Kepuh Teluk pada periode 2009 / 2010 sebanyak 13 orang dan 1 orang sebagai pegawai pentadbiran. Dari jumlah tenaga pengajar yang ada tersebut 8 orang mempunyai kelulusan strata 1 (SI), lain-lainnya ada yang Pendidikan Guru Agama, pondok, Diploma dan Sekolah Lanjut Tingkat Atas. Tenaga pengajar bagi madrasah ini sudah cukup berkualiti dan kebanyakannya sudah memenuhi standar yang ditentukan dilihat dari kelulusan mereka iaitu lebih banyak yang sarjana daripada yang tidak sarjana. Namun kebanyakan tenaga pengajar tersebut sarjana pendidikan. Oleh itu, untuk meningkatkan kualiti pendidikan sudah cukup sekalipun masih banyak yang harus dipertingkatkan dan dilengkapi seperti sarjana matematika dan ilmu hitung yang lain.<sup>316</sup>

#### **4. 3. 2 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama (MINU) 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi**

Madrasah ini pada mula beroperasi fizikal bangunannya hanya terdiri dari bangunan yang sangat sederhana. Perbaikan gedung madrasah tersebut dilakukan

---

<sup>316</sup>Rekapitulasi keadaan siswa dan guru Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 38 Kepuh Teluk 2009 - 2010

pada tahun 1978 setelah mendapatkan bantuan dana rehap dari Anggaran Pembangunan Belanja Daerah (APBD) Gresik dan pada tahun 1986 dan tahun 2000 juga medapatkan bantuan kewangan dari kerajaan wilayah Gresik, pada tahun 2007 juga mendapat bantuan kewangan dari kerajaan walayah Jawa Timur. Dana tersebut dipergunakan untuk membangun gedung madrasah sebagai penambahan dana pembangunan yang dihasilkan dari masyarakat.<sup>317</sup>

Melalui observasi, gedung yang dibangun hasil dari bantuan kewangan tersebut sudah banyak kemajuan terdiri dari dua lantai dengan kemudahan-kemudahan madrasah sedikit sebanyak terpenuhi seperti pembangunan gedung yang terdiri dari 6 bilik belajar, bilik pengetua madrasah, ruang perpustakaan, ruang pentadbiran, tandas madrasah dan lain-lain. Secara fizikal keadaan madrasah sudah bersesuaian untuk ditempati belaja-mengajar tidak seperti mula-mula berdiri bangunan madrasah hanya terbuat dari bambu.

Dengan adanya kemajuan fizikal madrasah ini, terjadi peningkatan juga jumlah pelajar, walaupun keadaannya hanya bertambah naik sedikit. Kalau dilihat dari statistik madrasah mengenai keadaan pelajar terjadi peningkatan jumlah pelajar terbanyak pada tahun 2009 dengan jumlah pelajar sebanyak 103 orang.<sup>318</sup> Kemajuan dalam pembangunan gedung dan pertambahan pelajar, kerana masyarakat telah memberikan keparcayaan terhadap institusi tersebut dan pengurusan menagemen pun semakin baik. Oleh itu untuk lebih jelasnya keadaan perkembangan pelajar dalam lima tahun terakhir dapat dilihat jadual berikut.

#### **Jadual 4. 5**

#### **Keadaan pelajar MINU 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi**

---

<sup>317</sup>Manshuri, tarikh 26 Ogos 2010

<sup>318</sup>Statistik siswa Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi 2005 - 2010

### tahun pelajaran 2005 – 2010

Tahun / Kelas	I	II	III	IV	V	VI	Jumlah
2005 – 2006	12	15	17	13	12	16	77
2006 – 2007	14	15	17	12	17	17	79
2007 – 2008	17	15	16	13	16	11	88
2008 – 2009	15	15	16	17	16	18	97
2009 - 2010	20	18	17	16	15	17	103

Sumber: Statistik madrasah 2005 - 2010

Dari segi keadaan kemudahan-kemudahan yang ada dan keadaan pelajar sudah memenuhi syarat , makan untuk dijadikan tempat berlangsungnya proses belajar-mengajar sudah berpatutan. Tetapi dilihat dari statistik tenaga pengajar hanya berjumlah 11 orang.<sup>319</sup> Di antara semua tenaga pengajar tersebut hanya seorang sahaja yang mempunyai peringkat sarjana dan yang lainnya hanya mempunyai kelulusan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas dan Madrasah Tsanawiyah. Oleh itu, dalam segi kelayakan pengurusan guru madrasah ini kurang memenuhi standar mutu yang ditetapkan oleh kerajaan. Sekalipun demikian, kerajaan tetap memberi bantuan tenaga pengajar satu guru bantu dari Departemen Agama, itu pun masih Diploma II jurusan Pendidikan Guru Agama (PGA) dan seorang yang sarjana termasuk tenaga honorer. Oleh kerana itu, untuk memperbaiki kualiti institusi pendidikan harus memperbaiki kualiti tenaga pengajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan kerajaan, kalau tenaga pengajar tidak memenuhi persyaratan yang ada secara otomatik harus melengkapi persyaratan tersebut untuk kemajuan institusi tersebut.

---

<sup>319</sup>Statistik Guru Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 40 Asrarul Ulum Kepuh Legundi 2009

#### **4. 3. 3 Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 08 Teluk Dalam**

Madrasah ini mengalami perkembangan dengan pesat pada tahun 1960-an, murid-murid bertambah banyak dan pengurusan pun bertambah baik. Pada masa perkembangan ini di lokasi tanah wakaf tersebut sudah kurang memadai untuk menampung murid-murid yang belajar. Pada saat itu juga, pada tahun 1975 ada orang yang mewakafkan tanah lagi di lokasi yang berbeza iaitu di sebelah timur lapangan Teluk Dalam sedikit dekat jaraknya dengan tempat semula untuk pembangunan madrasah. Selepas ada lokasi baru ini dibangun sebuah gedung lagi dan pembangunan gedung telah siap pada tahun 1978, maka gedung tersebut ditempati oleh kelas lima sahaja. Pada tahun 1980 murid yang berada di madrasah yang lama dipisah menjadi dua, dengan demikian madrasah tersebut ada dua iaitu MINU Teluk Dalam I dan MINU Teluk Dalam II.<sup>320</sup>

Pemisahan ini hanya berjalan beberapa tahun sahaja, kerana pada tahun 1994 - 1995 terjadi perubahan kebijakan kerajaan terhadap masa pembelajaran madrasah, di mana masa aktiviti belajar bagi madrasah dirubah yang sebelumnya aktiviti belajar dilaksanakan pada siang hari sekarang ditukar menjadi pagi hari. Perubahan masa aktiviti madrasah ini sangat berpengaruh terhadap perkembangan madrasah terutama peningkatan pelajar, disebabkan berbenturan dengan masa aktiviti Sekolah Dasar (SD), sememangnya murid-murid di madrasah sebahagiannya terdiri daripada murid-murid yang ada di sekolah dasar tersebut. Jadi murid-murid tersebut pada pagi hari mereka masuk sekolah dasar dan pada sebelah petang di madrasah. Oleh kerana demikian, maka akhirnya MINU Teluk Dalam II dibubarkan sebahagian pelajar dikumpulkan kepada MINU Teluk Dalam

---

<sup>320</sup>Wawancara dengan Hikam S. Pdi sebagai pengetua Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 08 Teluk Dalam, tarikh 28 Ogos 2010

I dan sementara MINU Teluk Dalam I ditukar nama oleh Lembaga Pendidikan Ma'arif menjadi MINU 08 Teluk Dalam.<sup>321</sup>

Madrasah ini terus melakukan perbaikan dan pengembangan baik kualiti tenaga pengajar, peningkatan jumlah pelajar dan perbaikan kemudahan kemudahan untuk keselesaan pelajar dan tenaga pengajar. Kemudahan sarana ini terdiri dari 6 bilik kelas, perpustakaan, makmal ilmu pengetahuan alam, bilik pengetua madrasah, ruang tenaga pengajar dan pentadbiran, tempat ibadah, ruang kesehatan, tandas untuk guru dan pelajar dan tempat olahraga. Sementara untuk mengetahui keadaan perkembangan pelajar dapat dilihat jadual di berikut ini.

#### **Jadual 4. 6**

##### **Keadaan pelajar MINU 08 Teluk Dalam tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>IV</b>	<b>V</b>	<b>VI</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2005 – 2006</b>	13	10	14	13	12	13	<b>75</b>
<b>2006 – 2007</b>	18	12	8	14	13	11	<b>76</b>
<b>2007 – 2008</b>	17	13	12	8	14	15	<b>79</b>
<b>2008 – 2009</b>	22	8	13	12	9	14	<b>78</b>
<b>2009 - 2010</b>	11	17	14	6	15	12	<b>73</b>

Sumber: Statistik madrasah 2005 - 2010

Kalau dilihat dari jadual di atas, jumlah peningkatan pelajar yang terbanyak terjadi pada tahun 2007, namun peningkatan pelajar ini hanya sedikit. Sekalipun keadaannya demikian sudah memenuhi persyaratan untuk dijadikan tempat proses belajar-mengajar.

---

<sup>321</sup>*Ibid.*

Namun yang terpenting bagi suatu institusi pendidikan harus menjaga kualiti tenaga pengajar. Dilihat dari statistik keadaan tenaga pengajar madrasah<sup>322</sup> ini mempunyai tenaga pengajar seramai 12 orang. Dari jumlah tenaga pengajar tersebut 1 orang mempunyai kelulusan SI dan 8 orang mempunyai SLTA, sementara lainnya berkelulusan Diploma.

#### 4.3.4 Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud Sangakapura

Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam topik “*Sejarah Penubuhan Lembaga Pendidikan Islam di Pulau Bawean*” pada awal bab ini, didapati bahawa pada awal penubuhan sekolah ini iaitu pada tahun 1930-an bangunan yang ditempati untuk aktiviti belajar hanya sebuah surau kecil, beratap daun rumbia (dalam bahasa Bawean *belik*), berlantaikan simen dan hanya mampu menampung beberapa orang pelajar.<sup>323</sup> Memang pada mulanya pelajar seramai 20 - 30 orang sahaja yang terdiri dari pelajar perempuan dan lelaki serta hanya terdiri dari satu ruang kelas iaitu kelas satu atau kelas pertama<sup>324</sup>. Surau itu pada mulanya berada di depan rumah R. Abdurrahman keturunan ke-12 dari Umar Mas'ud, namun Surau tersebut sekarang sudah dibongkar ditempati bangunan Madrasah Tsanawiyah dan sebahagian masih terlihat dari sisa-sisa bangunannya, sementara bangunan Surau baru berada di sebelah utara daripada rumah beliau, surau tersebut hanya dipakai untuk sholat berjamaah sahaja.<sup>325</sup>

Kemudian setelah beberapa tahun berlalu, sekolah ini telah mengalami perubahan yang semakin baik dan berkembang dengan lebih pesat. Dari segi

---

<sup>322</sup>Statistik siswa Madrasah Ibtidaiyah Nahdlatul Ulama 08 Teluk Dalam 2009

<sup>323</sup>Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud, *op. cit.*, h. 1

<sup>324</sup>Wawancara dengan Mohamad Hanafiyah S. Pd pengetua Yayasan Umar Mas'ud pada tarikh 25 Mei 2008

<sup>325</sup>Lihat lampiran B (i) bekas bangunan Surau lama yang menjadi mula-mula tempat belajar Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud

kemudahan prasarana sekolah, ia telah diperkembangkan lagi dengan membangun yang lebih besar dan bertempat di tapak yang lebih luas, sehingga ruang-ruang belajarpun semakin bertambah dan bahkan dibuka hingga enam kelas. Manakala struktur bangunan yang didirikan lebih selesa dan ruang-ruang belajar boleh dimuati lebih banyak pelajar. Bangunan yang didirikan ini jauh lebih baik dari bangunan tempat belajar sebelumnya yang hanya terdiri dari sebuah Surau kecil iaitu dari sudut binaan menggunakan simen dan batu bata, atap zink, disediakan kerusi dan meja di dalam bilik darjah untuk keselesaan para pelajar dan sebagainya.<sup>326</sup>

Tahun berganti tahun, sekolah ini ditambah lagi binaan bangunan dua tingkat yang bersebelahan dengan bangunan lama yang menempatkan bilik pengetua, bilik guru serta pejabat dan bilik-bilik darjah. Ekoran dari pertambahan bilik darjah ini maka ia telah membuka peluang kepada pihak sekolah untuk mengambil lebih ramai pelajar-pelajar baru menuntut di sekolah tersebut.

Melalui observasi juga didapati terdapat bangunan sekolah yang baru siap dibina.<sup>327</sup> Walau bagaimanapun, jika dibandingkan sekolah ini dengan sekolah yang lain, sekolah ini masih lagi dikatakan lebih maju dari sudut prasarananya. Dalam sekolah ini terdapat makmal komputer, perpustakaan dan sebagainya, namun kelengkapannya kurang mencukupi. Pihak sekolah sentiasa memastikan keadaan yang selesa dan teratur bagi pelajar-pelajar dan guru-guru sesuai dengan lokasi sekolah ini yang terletak di Bandar pulau Bawean iaitu Sangkapura yang menjadi pusat aktiviti perekonomian. Pihak sekolah telah berusaha memastikan

---

<sup>326</sup>Rujuk lampiran B (iii) bangunan lama Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud yang dipakai untuk tempat belajar dengan nama Hidayatul Oeloem

<sup>327</sup>Rujuk lampiran B (iv) bangunan baru Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud lebih bagus keadaannya dari pada bangunan madrasah lama

sekolah ini berkembang maju disertai dengan kelengkapan kemudahan prasarana yang mencukupi.<sup>328</sup>

Selain itu, untuk lebih memajukan sekolah ini juga, para pengurus membentuk sebuah wadah dengan nama *Ikatan Alumnai*. Dengan adanya wadah setiap alumnai boleh memberi sumbangan sama ada secara moral dan dana.<sup>329</sup> Selain itu juga mengoptimalkan kerja sama ikut serta orang tua pelajar dan masyarakat. Kerja sama ini terwujud dalam wadah Ahli Jawatan Kuasa (AJK) sekolah yang anggotanya terdiri dari guru-guru yang berkhidmat dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang belajar di sekolah tersebut serta melibatkan masyarakat yang tidak mempunyai anak yang belajar di sekolah tersebut, seperti orang yang mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat contohnya bekas guru, bekas pengetua dan wakil rakyat.<sup>330</sup>

Pada awal mula pengajian dilaksanakan hanya mempunyai bilangan pelajar yang sedikit. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi, seperti minimnya pembiayaan untuk aktiviti belajar-mengajar, binaan bangunan sekolah yang terhad dan kurang selesa, kurangnya minat masyarakat terhadap pendidikan, terhadnya guru yang menguasai subjek-subjek tertentu. Di samping itu, ia juga disebabkan masyarakat tempatan yang masih belum melihat pencapaian dan hasil yang dapat diperoleh oleh sekolah ini. Lima tahun selepas itu, jumlah pelajar telah meningkat dengan begitu pesat hingga dibinalah sebuah ruangan yang lebih bagus dan luas pada masa sekolah ini bernama *Hidayatul*

---

<sup>328</sup>Wawancara dengan Dra. Hj. Fatimah Ismail pengetua Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud, pada tarikh 25 Mei 2008

<sup>329</sup>Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud dalam Program Kerja Tahun Pelajaran 2004-2005, h. 9

<sup>330</sup>*Ibid.*



*Oeloem*. Binaan bangunan itu membuatkan para pelajar belajar dengan selesa dan tenang.<sup>331</sup>

Namun dengan berjalannya waktu terjadi proses peningkatan dan penurunan bilangan pelajar. Dilihat dari statistik sekolah yang ada dari lima tahun kemudian, jumlah pelajar terbanyak adalah pada tahun 2004 dengan jumlah sebanyak 145 orang pelajar. Sedangkan tahun-tahun berikutnya ia mengalami proses penurunan sehingga sampai pada tahun 2009 bilangan pelajar berjumlah 116 orang pelajar sahaja.<sup>332</sup> Untuk lebih jelasnya mengenai perkembangan keadaan pelajar dapat dilihat dalam jadual ini.

#### **Jadual 4. 7**

#### **Keadaan pelajar MTs Umar Mas'ud**

#### **tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2004 – 2005</b>	41	45	54	<b>140</b>
<b>2005 – 2006</b>	39	37	49	<b>125</b>
<b>2006 – 2007</b>	29	42	35	<b>106</b>
<b>2007 – 2008</b>	35	37	38	<b>110</b>
<b>2008 - 2009</b>	40	36	40	<b>116</b>

Sumber: statistik keadaan murid 2004 - 2009

Penurunan bilangan pelajar dalam madrasah ini berlaku disebabkan oleh kualiti institusi tersebut yang menurun dan persaingan dengan sekolah-sekolah lain yang baru didirikan. Dalam hal ini ada di antara beberapa ibu bapa telah memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah umum.

---

<sup>331</sup>*Ibid.*

<sup>332</sup>Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud Sangkapura Bawean, "Statistik Keadaan Guru Dan Murid Tahun Pelajaran 2004 – 2009", h. 3

Dari apa yang dapat dilihat mengenai gambaran pelajar di sekolah ini, ia telah mengalami peningkatan dan penurunan sejak dari mula penubuhan hingga ke hari ini. Tetapi sekalipun keadaan pelajar demikian, pelajar yang menamatkan pengajian di sekolah ini tidak kalah prestasi bersaing dengan sekolah-sekolah lain. Pelajar di sekolah ini banyak juga yang menyambung pengajian di universiti seperti Universiti Padjajaran Bandung, Universiti Islam Negeri dan sebagainya, bahkan ada juga yang menjadi anggota parlimen selain menjadi pegawai kerajaan.<sup>333</sup>

Menurut kaji selidik yang diperoleh, pelajar di sekolah ini kesemuanya berbangsa Indonesia atau dari masyarakat Pulau Bawean khususnya. Tidak ada pelajar-pelajar dari luar pulau Bawean.<sup>334</sup> Pelajar-pelajar tersebut di bawah didikan daripada 25 orang guru dan 4 orang kakitangan yang berkhidmat di sekolah ini, dari keseluruhan pendidik yang ada berkelulusan sarjana baik sarjana agama, pendidikan dan lain-lain.

#### **Jadual 4. 8**

##### **Bilangan Guru dan Kakitangan Tahun 2008**

<b>Kakitangan MTs Umar Mas'ud</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
Guru	25
Kakitangan	4

Sumber: Statistik Madrasah tahun 2004 - 2008

Namun pada tahun 2008 ini ada peningkatan pelajar sekalipun hanya sedikit dari tahun-tahun yang sebelumnya. Hal ini terjadi kerana ada usaha yang kuat dari pihak pengelola sekolah untuk memberi pelayanan terbaik pada

<sup>333</sup>Fatimah Ismail, tarikh 25 Mei 2008

<sup>334</sup>Lihat lampiran A (i) Soal Kaji Selidik

masyarakat. Disamping itu mutu belajar-mengajar di sekolah ini dipertingkatkan dan kemudahan diperbaiki.<sup>335</sup>

#### **4.3.5 Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri**

Perkembangan Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri lebih pesat dibandingkan dengan Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud yang lebih dulu berdiri dan lebih tua. Pada awal penubuhan sekolah ini iaitu pada tahun 1983 bangunan yang ditempati untuk aktiviti belajar hanya terdiri dari dua ruangan untuk kelas pertama sahaja dan berupa bangunan yang sangat sederhana berlantaikan simen dan hanya mampu menampung beberapa orang pelajar, sehingga dengan keadaan yang sedemikian setiap tahun mengalami kesulitan untuk menampung para pelajar yang naik ke kelas selanjutnya. Bangunan sekolah ini dihasilkan dari bantuan masyarakat dan sedekah orang tua santeri dan bukan memperoleh bantuan dari kerajaan. Pada mulanya pelajar hanya seramai 86 orang sahaja yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan, pelajar-pelajar tersebut tidak hanya dari kalangan para santeri sahaja, akan tetapi dari masyarakat di sekitarnya juga.<sup>336</sup>

Bangunan sekolah ini terletak berhampiran di kawasan yang sememangnya banyak terdapat batu-batuan dan juga pasir, ianya banyak membantu dalam proses pembinaan bangunan sekolah yang sememangnya mudah untuk didapati, dengan demikian pembangunan dilaksanakan dengan mudah dan cepat. Proses pembangunannya pula dilaksanakan secara bertahap mengikut keperluan jumlah pelajar. Bangunan awal berdiri satu ruangan atau satu kelas hasil dari kerjasama para santeri dan masyarakat.

---

<sup>335</sup>Fatimah Ismail, tarikh 25 Mei 2008

<sup>336</sup>K. H. Bajuri Yusuf, tarikh 27 Feb 2009

Kemudian setahun berikutnya pada tahun 1984 dibina satu kelas lagi sehingga terwujudlah beberapa kelas sampai sekarang. Pembinaan ruangan-ruangan kelas ini telah mengalami kemajuan yang semakin baik dan berkembang dengan lebih pesat, sehingga ruang-ruang belajarpun semakin selesa. Manakala struktur bangunan yang didirikan lebih luas dan ruang-ruang belajar boleh dimuati lebih banyak pelajar. Bangunan yang baru didirikan ini jauh lebih baik dari ruangan tempat belajar sebelumnya yang hanya terdiri dari satu kelas ruangan kecil iaitu dari sudut binaan menggunakan simen dan batu bata, atap genting, disediakan kerusi dan meja di dalam bilik darjah untuk keselesaan para pelajar dan sebagainya.<sup>337</sup>

Melalui observasi juga, didapati terdapat bangunan sekolah yang baru siap dibina.<sup>338</sup> Jika dibandingkan sekolah ini dengan sekolah Umar Mas'ud, sekolah ini masih lagi dikatakan lebih besar dan lebih maju dari sudut bangunan dan pelajar, di mana dalam kelas satu sahaja terbahagi kepada tiga bahagian kelas iaitu kelas 1A, 1B, 1C dan begitu seterusnya sampai kepada tingkatan tiga. Mengenai perkembangan dari lima tahun terakhir dapat dilihat jadual berikut ini.

#### **Jadual 4. 9**

#### **Keadaan pelajar MTs Hasan Jufri**

**tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2005 – 2006</b>	145	144	127	<b>416</b>
<b>2006 – 2007</b>	165	169	137	<b>471</b>
<b>2007 – 2008</b>	169	145	155	<b>469</b>

<sup>337</sup>*Ibid.*

<sup>338</sup>Lihat lampiran B (vi) mengenai bangunan Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri

<b>2008 – 2009</b>	153	171	144	<b>468</b>
<b>2009 - 2010</b>	152	170	143	<b>465</b>

Sumber: statistik keadaan murid dan guru 2004 - 2009

Madrasah ini setiap tahun mengalami peningkatan dan penurunan bilangan pelajar, jumlah pelajar di sekolah ini lebih banyak bilangannya dibanding dengan institusi-institusi Islam yang lain. Walaupun sekolah ini termasuk masih baru didirikan dibanding dengan Madrasah Tsanawiyah Umar Mas'ud, namun perkembangannya sangat pesat dan maju. Ramai ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah ini sehingga bilangan pelajar mencecah 471 orang pelajar pada tahun 2006. Pada tahun inilah sekolah ini mengalami peningkatan pelajar paling pesat. Pada tahun 2008 sekolah ini mengalami penurunan pelajar dengan jumlah hanya 468 orang sahaja.<sup>339</sup> Penurunan bilangan pelajar ini berlaku disebabkan pihak pengelola sekolah kurang meningkatkan lagi mutu dan kemudahan prasarana sekolah, di samping itu persaingan dengan sekolah-sekolah yang lain.

Bahkan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di sekolah ini tidak hanya terdiri dari warga tempatan atau pulau Bawean sahaja. Pelajar-pelajar tersebut ada yang datang dari luar pulau Bawean seperti Riau, Lombok, Kalimantan, Batam pada tahun 80-an.<sup>340</sup> Namun sekarang pelajar-pelajar di sekolah ini menurut Kyai Bajuri yang dilakukan, mendapati bahawa kesemua pelajar di sekolah ini adalah warga tempatan.<sup>341</sup> Sementara pelajar-pelajar tersebut

<sup>339</sup>Statistik keadaan murid Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri 2009

<sup>340</sup>K. H. Bajuri Yusuf, tarikh 27 Feb 2009

<sup>341</sup>*Ibid.*

mendapat pengawasan dan didikan daripada dua puluh tiga orang guru yang berkhidmat di sekolah ini.<sup>342</sup>

#### Jadual 4. 10

##### Bilangan Guru dan Kakitangan Tahun 2008

Kakitangan MTs Hasan Jufri	Jumlah (orang)
Guru	23
Kakitangan	3

Sumber : Statistik madrasah tahun 2006 - 2008

Perkembangan pelajar yang pesat di sekolah ini dapat memberikan peluang pekerjaan terhadap para alumni, di mana tenaga pengajar sebahagian besar diambil dari para alumni tersebut yang menyelesaikan pendidikan sarjananya di berbagai perguruan tinggi di pulau Jawa. Bahkan sekolah ini menjadi institusi Islam yang bersaing dengan institusi yang ditubuhkan kerajaan atau sekolah umum dalam hal pengambilan pelajar. Selain itu sekolah ini mendapat peringkat kesepuluh di antara sekolah-sekolah di wilayah Jawa Timur. Sewajarnya apabila kebanyakan ibu bapa memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini disebabkan sekolah tersebut mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang mencukupi dan lebih baik. Di samping itu juga alasan yang diberikan adalah peratus pencapaian sekolah tersebut adalah lebih tinggi.<sup>343</sup>

Dalam sekolah ini terdapat perpustakaan dengan koleksi buku-buku yang sederhana. Kelengkapannya juga masih sangat kurang mencukupi. Oleh sebab itu, pihak sekolah sentiasa memastikan keadaan yang selesa dan teratur bagi pelajar-pelajar dan guru-guru. Lokasi sekolah ini terletak di luar Bandar pulau Bawean

---

<sup>342</sup>Statistik keadaan guru Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri tahun 2008

<sup>343</sup>Wawancara dengan Mohamad Nazarudin S. Pd sebagai pengetua Madrasah Tsanawiyah Hasan Jufri, tarikh 28 Feb 2009

iaitu desa Lebak, di mana ia bukan pusat aktiviti perekonomian. Pihak sekolah terus berusaha memastikan sekolah ini berkembang maju disertai dengan kelengkapan kemudahan prasarana yang mencukupi.

Selain itu, untuk kemajuan sekolah ini setiap alumni boleh dikenakan sumbangan sama ada secara moral dan biaya dengan seikhlas mungkin. Di samping itu, buku yang berisi tentang profil sekolah dan pondok pesantren diterbitkan untuk dijual kepada alumni dan masyarakat umum, sehingga dengan seperti itu sekolah ini lebih dikenali dan alumni tidak melupakan bagitu sahaja selepas keluar dari sekolah tersebut. Selain itu kerja sama dengan orang tua pelajar dan masyarakat selalu diadakan. Kerja sama ini terwujud dalam bentuk sumbangan kewangan untuk biaya pembangunan dan sokongan tenaga, serta moral dalam pelaksanaan pembangunan sekolah.<sup>344</sup>

#### **4. 3. 6 Madrasah Aliyah Miftahul Huda Kepuh Teluk**

Madrasah ini bermula dari beberapa orang pelajar dan hanya terdiri dari satu kelas sahaja. Mula berkembang dengan adanya peningkatan pelajar setelah beberapa tahun ditubuhkan iaitu selepas didaftarkan kepada Departemen Agama pada tahun 2002. Pada masa itu pelajar hanya seramai 54 orang pelajar dari keseluruhan kelas iaitu kelas 1 sampai kelas 3, dari keseluruhan tersebut kelas 1 hanya terdiri dari pelajar lelaki berjumlah 14 orang dan perempuan seramai 8 orang. Sementara kelas 2 terdiri dari 15 orang pelajar lelaki dan perempuan 7 orang, dan begitu juga keadaan kelas 3 terdiri dari 3 orang pelajar lelaki dan perempuan berjumlah 7 orang.<sup>345</sup>

---

<sup>344</sup>*Ibid.*

<sup>345</sup>Data siswa dalam laporan individu Madrasah Aliyah Miftahul Huda Kepuh teluk tahun 2002

Kemudian pada tahun-tahun berikutnya keadaan madrasah ini semakin bertambah baik dengan perbaikan gedung yang direnovasi dan jumlah pelajar pun semakin meningkat. Peningkatan pelajar ini semakin kelihatan pada tahun 2009 dan 2010, di mana pada tahun 2009 jumlah pelajar mencapai 153 orang pelajar yang terdiri dari pelajar lelaki seramai 75 orang pelajar dan pelajar perempuan berjumlah 78 orang. Sementara pada tahun 2010 terjadi peningkatan pelajar dengan jumlah keseluruhan 186 orang. Terjadinya peningkatan jumlah pelajar ini disebabkan pelayanan yang baik terhadap masyarakat dan mendapat kepercayaan dari masyarakat setempat. Untuk lebih jelasnya keadaan perkembangan pelajar dapat dilihat dalam jadual ini.

**Jadual 4. 11**

**Keadaan pelajar MA Miftahul Huda  
tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2005 – 2006</b>	21	23	17	<b>61</b>
<b>2006 – 2007</b>	22	22	10	<b>54</b>
<b>2007 – 2008</b>	39	35	21	<b>95</b>
<b>2008 – 2009</b>	51	49	53	<b>153</b>
<b>2009 - 2010</b>	56	59	71	<b>186</b>

Sumber: statistik keadaan murid dan guru 2005 - 2010

Pada masa ini juga, di samping adanya gedung yang baik terjadi peningkatan terhadap kemudahan prasarana madrasah sudah banyak terpenuhi seperti perpustakaan, makmal komputer sekalipun dalam keadaan rusak, ruang serbaguna, ruang pengetua madrasah dan guru, tandas, ruang ibadah, rumah



dinas guru dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini masih terus diusahakan untuk kelengkapan yang lebih baik dan maju oleh pengurus madrasah.

Sementara tenaga pengajar di madrasah ini berjumlah 15 orang, dari 5 orang tenaga pengajar berkelulusan sarjana dan lainnya hanya berkelulusan Diploma dan 5 orang sebagai pegawai. Kualiti tenaga pengajar berkembang bertambah baik dari sebelumnya hanya berkelulusan agama kepada ilmu-ilmu sosial dan lain-lain.

#### **4. 3. 7 Madrasah Aliyah Mambaul Falah Tambilung**

Pada awal berdirinya madrasah ini mempunyai pelajar hanya beberapa orang dan itu sebahagian pelajar dari Madrasah Tsanawiyah Mambaul Falah. Sementara gedung yang di tempati aktiviti belajar-mengajar gedung yang ditempati Madrasah Tsanawiyah tersebut. Namun dengan berjalannya masa, madrasah ini mengalami peningkatan kemudahan dengan mempunyai gedung sendiri. Dalam observasi yang dilakukan, gedung yang dibangun untuk madrasah ini terdiri dari dua lantai dan selain itu banyak fasiliti-fasiliti lain yang memperlancar jalannya pendidikan.<sup>346</sup>

Perkembangan madrasah ini dari tahun ke tahun semakin bertambah pesat. Kalau pada masa awal mulanya hanya terdiri beberapa orang pelajar dan hanya tertumpuh kepada jurusan agama sahaja. Tetapi sesuai dengan kebutuhan pelajar akhirnya membuka jurusan Ilmu Pengetahuan Sosial dan Ilmu Pengetahuan Alam.<sup>347</sup> Begitu juga dengan keadaan pelajar mengalami peningkatan yang signifikan, pada asal mulanya sememangnya hanya alumni Madrasah Tsanawiyah

---

<sup>346</sup>Wawancara dengan Abdul Haris MA sebagai pengetua Madrasah Aliyah Mambaul Falah Tambilung, tarikh 27 Ogos 2010

<sup>347</sup>*Ibid.*

Mambaul Falah, namun pada masa-masa berikutnya mulai banyak dari sekolah-sekolah lain yang mendaftar melanjutkan pengajiannya di madrasah ini.

Secara lebih jelasnya peningkatan pelajar di madrasah ini dapat dilihat pada jadual berikut.

**Jadual 4. 12**

**Keadaan pelajar MA Mambaul Falah Tambilung**

**tahun pelajaran 2005 – 2010**

<b>Tahun / Kelas</b>	<b>I</b>	<b>II</b>	<b>III</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2005 – 2006</b>	81	51	62	<b>203</b>
<b>2006 – 2007</b>	93	86	48	<b>215</b>
<b>2007 – 2008</b>	130	82	80	<b>288</b>
<b>2008 – 2009</b>	133	116	83	<b>323</b>
<b>2009 – 2010</b>	175	117	115	<b>358</b>

Sumber: statistik keadaan murid dan guru 2005 - 2010

Dari jadual di atas dapat diketahui bahawa terjadi peningkatan pelajar dari setiap tahunnya, peningkatan pelajar tersebut terbanyak terjadi pada tahun 2009 sehingga mencecah sampai 358 orang. Dari segi jumlah pelajar cepat berkembang kerana di sokong oleh adanya institusi - institusi pondok yang berdiri di dusun tersebut. di mana ada tiga institusi pondok yang berada di dusun tersebut, di samping pelajar-pelajar yang datang dari tetangga desa. Sekalipun madrasah ini agak masuk ke pedalaman jauh dari perkotaan, namun jiran-jiran desa belum ada institusi yang setingkat dengan madrasah tersebut dan juga sememangnya di dusun tersebut banyak masyarakat yang berpendidikan tinggi dan juga berpendidikan pondok.

#### 4. 4 Pendanaan

Pendanaan cukup penting untuk memajukan institusi pendidikan. Kekurangan dalam hal pendanaan ini akan memberi kesan terhadap kemudahan prasarana dan kelancaran dalam aktiviti belajar-mengajar. Di samping itu juga, akan berpengaruh terhadap kualiti pendidikan.

Oleh itu, kelengkapan kemudahan prasarana berhubungkait dengan keadaan pendanaan. Apabila kemudahan prasarana ini tercukupi akan menjadikan tempat pendidikan selesa. Di mana-mana institusi pendidikan akan maju kalau kemudahan prasarana lengkap, tidak terkecuali madrasah yang ada di pulau Bawean. Pendanaan pendidikan Islam di pulau tersebut secara umum pada mulanya didapatkan dari partisipasi masyarakat yang mempunyai rasa tanggung jawab terhadap pendidikan, di samping yuran pelajar. Dalam hal mengumpulkan dana ini berbeza cara dalam setiap masyarakat mengikut persetujuan dalam masing-masing mereka, selain itu dari masyarakat yang merantau ke luar negara terutamanya ke Malaysia dan Singapore, bahkan ada yang manjadi sebagai donator tetap.<sup>348</sup>

Institusi pendidikan Islam yang ada di pulau Bawean merupakan milik masyarakat dan perseorangan yang dibentuk dengan sistem yayasan. Jadi, pembangunan fisik yang dilakukan institusi pendidikan tersebut secara bertahap dan pelan-pelan, kerana melihat kepada dana yang tersedia. Untuk operasional aktiviti belajar-mengajar diambalkan dari yuran para pelajar, kalau yuran pelajar tersebut tidak mencukupi untuk membeli alat-alat madrasah dan membayar gaji tenaga pengajar, maka masyarakat dengan cara bergotong royong menghimpunkan dana tersebut setiap bulan dengan membayar menggunakan

---

<sup>348</sup>Rencana Anggaran Pendapatan dan Belanja Sekolah (RAPBS) tahun pelajaran 2010. Juga penjelasan dari semua pengetua madrasah yang ditemu bual selama penyelidikan dilaksanakan tentang sumber pendanaan.

beras bagi setiap kepala rumah tangga sebanyak satu gelas atau dengan yang lain, hasil daripada itu dijual kembali dijadikan dalam bentuk uang.

Penghimpunan dana seperti hal itu berlaku pada masa dahulu dan masih ada hingga sekarang bagi sebahagian masyarakat yang masih menggunakan cara seperti itu untuk mengumpulkan sumber dana. Keadaan gaji tenaga pengajar di pulau Bawean kurang mencukupi untuk mensyarah hidup keluarga, oleh sebab itu kebanyakan pendidik bekerja sampingan lain seperti bertani dan berdagang.

Setelah institusi madrasah berproses berkembang melalui perjalanan panjang dan kerajaan memperhatikan dengan keadaan madrasah melalui Departemen Agama dengan cara melakukan pembinaan dan membantu kewangan, tenaga pengajar, memberikan kursus-kursus kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan kualiti pengajar. Maka madrasah mulai berubah kearah yang lebih jelas dan mempunyai nilai yang setaraf dengan pendidikan umum yang lain.<sup>349</sup> Pada masa ini kerajaan sangat berperanan dalam memajukan madrasah dibuktikan dengan adanya bantuan pendanaan, di mana setiap madrasah mendapatkan bantuan kewangan dari kerajaan seperti bantuan bagi pelajar yang tidak mampu dengan nama Bantuan Kesejahteraan Siswa Miskin (BKSM), pendanaan fungsional, BKSM Anggaran Pendapatan Belanja Daerah, Dana Operasional Pendidikan (DOP).<sup>350</sup> Dengan adanya bantuan dari kerajaan seperti ini, madrasah akan semakin mendapatkan tempat untuk memajukan sistem pendidikan nasional, akan lebih berkembang dan maju.

Selain itu, dari sisi tenaga pengajar pun bertambah baik. Bagi tenaga pengajar yang bukan tenaga pengajar dari kerajaan diharuskan mengikuti ujian

---

<sup>349</sup>Wawancara dengan Muhammad Tarmizi dan Dra. Ibu Fatimah sebagai kepala Pengawas Pendidikan Agama Islam (PPAI) kecamatan Tambak dan Sangkapura di pulau Bawean, tarikh 23 Ogos 2010 dan 28 Ogos 2010

<sup>350</sup>Rencana Anggaran Pendapatan dan Belanja Sekolah (RAPBS) tahun 2010

kelayakan guru, selepas mendapat kelulusan dari ujian tersebut ia mendapat sertifikat, dengan kata lain tenaga pengajar bersertifikasi dan layak untuk menjadi guru. Bagi tenaga pengajar yang bersertifikasi akan mendapat gaji dari kerajaan setiap bulan, ditambah dengan insentif-insentif yang lain. Jadi, tenaga pengajar honorer yang dulunya tidak pernah mendapatkan insentif dari kerajaan, sekarang sudah mendapatkan sekalipun jumlahnya kecil. Lain halnya dengan tenaga pengajar dari kerajaan mendapatkan gaji dua kali lebih besar dari guru bersertifikasi.<sup>351</sup>

#### **4.5 Kurikulum**

Kurikulum dalam pendidikan Islam tentu berbeza dengan kurikulum yang ada di pendidikan umum. Begitu juga, keadaan kurikulum sering mengalami perubahan-perubahan nama subjek yang diajarkan sekalipun substansinya sama. Menurut Ahmad Tafsir yang dikutip dari Hanun Asrohah, kurikulum merupakan sejumlah mata pelajaran yang harus dipelajari oleh pelajar. Lebih jauh lagi, kurikulum tidak hanya sejumlah mata pelajaran yang dipelajari, tetapi ia yang secara nyata pengamalan yang terjadi dalam proses pendidikan di sekolah.<sup>352</sup> Sedangkan menurut Munardji, kurikulum merupakan suatu rencana yang menjadi pegangan bersama di dalam pendidikan baik pengetua sekolah, pentadbir dan pelajar, sehingga dengan adanya kurikulum yang terencana mudah mencapai sasaran yang dikehendaki iaitu ketakwaan dan keimanan kepada Allah swt.<sup>353</sup>

Kurikulum dalam institusi madrasah di pulau Bawean pada masa-masa awal hanya berkisar pada bidang studi agama sahaja. Namun seiring perjalanan masa dan juga madrasah sudah berada dalam pembinaan Departemen Agama,

---

<sup>351</sup>*Ibid.*

<sup>352</sup>Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 71-72

<sup>353</sup>Munardji, M. Ag (2004), *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bina Ilmu, h. 82

maka subjek pelajaran yang diberikan semakin luas. Pada masa tahun 1950-an, subjek pelajaran yang ada di madrasah hanya berkisar pada belajar membaca dan menulis, membaca al-Qur'an, tauhid, ibadah, akhlak. Mata pelajaran ini ditentukan sendiri oleh masyarakat dan metode pembelajaran pun berbeza dengan sekarang, tidak ada penyeragaman kurikulum. Setelah madrasah berada dibawah pengawasan Departemen Agama, maka kurikulum yang dilaksanakan mulai ada kemajuan dan penyeragaman dan mengikuti kurikulum yang ditentukan Departemen Agama, namun hal ini Departemen Agama hanya melakukan pengawasan dan pembinaan tidak sampai menentukan jalannya pendidikan Islam. Ujian pun yang dilaksanakan madrasah hanya ujian yang dilaksanakan Departemen Agama dan hasil sejiil yang dikeluarkan hanya sijil dari Departemen Agama bukan sijil nasional yang boleh untuk digunakan mendaftar di perguruan tinggi umum.

Secara historis madrasah telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan. Perkembangan madrasah semakin mendapatkan tempat di dalam sistem pendidikan nasional setelah dikeluarkannya Surat Keputusan Bersama (SKB) 3 menteri pada tahun 1975. Di mana perubahan tersebut terletak pada perubahan kurikulum yang memuatkan subjek umum lebih banyak daripada subjek agama iaitu 30 peratus subjek agama dan 70 peratus subjek umum. Walaupun subjek umum lebih mendominasi, tetapi subjek agama tetap menjadi subjek pokok dan yang utama, kerana menjadi ciri khas dalam institusi madrasah.<sup>354</sup>

Juga, sebelum lahirnya SKB 3 menteri ini, kelulusan madrasah kalau ingin melanjutkan ke jenjang yang lebih tinggi terhad hanya kepada perguruan tinggi

---

<sup>354</sup>Haidar Putra Daulay, (2007), *op. cit.*, h. 103

Islam sahaja, tidak dapat untuk melanjutkan ke perguruan tinggi umum. Namun kelahiran SKB 3 menteri kelulusan madrasah dapat melanjutkan di perguruan tinggi umum bagi yang memiliki sijil Madrasah Aliyah yang tergabung dalam kelompok ilmu-ilmu umum dan sosial.<sup>355</sup>

Tujuan dari SKB 3 menteri ini adalah untuk meningkatkan kualiti madrasah supaya setaraf dengan pendidikan umum. Di samping itu madrasah merupakan bahagian dari sistem pendidikan nasional yang semakin mantap dan kokoh. Oleh itu, kelulusan madrasah dapat memperoleh kesempatan yang sama dengan kelulusan sekolah umum. Subjek agama yang dimaksudkan ialah suatu program untuk memenuhi sebahagian tujuan pendidikan di madrasah mengenai penghayatan dan pengamalan agama. Tujuan program ini supaya menjadi muslim yang bertakwa baik bagi diri sendiri dan bekal dalam memasuki lapangan pekerjaan. Adapun subjek pendidikan agama untuk semua tingkat berdasarkan kurikulum 1984 sebagai berikut iaitu al-Qur'an dan hadith, Aqidah dan akhlak, Fiqih, Sejarah Peradaban Islam dan Bahasa Arab.<sup>356</sup>

Dari perubahan kurikulum tersebut sejak 1964 sehingga kurikulum yang dilaksanakan sekarang iaitu kurikulum 1994 dengan berbasis kompetensi merupakan pembenahan bagi kualiti madrasah menjadi setaraf dengan pendidikan umum lainnya. Lebih maju lagi sistem madrasah dengan lahirnya kurikulum 1994 ini, namun subjek agama yang diajarkan lebih sedikit masa yang diberikan dan tanggung jawab madrasah lebih berat. Dalam rangka menyeragamkan kurikulum madrasah, maka Menteri Agama mengeluarkan kurikulum standar bagi madrasah yang berlaku secara nasional dan wajib dilaksanakan bagi setiap tingkatan di

---

<sup>355</sup> *Ibid.*

<sup>356</sup> Ahmad Patoni, *op. cit.*, h. 54

madrasah.<sup>357</sup> Adapun kurikulum madrasah yang dilaksanakan di setiap tingkatan itu untuk menyamakan kualiti madrasah dengan sekolah-sekolah umum, namun dalam pendidikan Islam subjek agama menjadi subjek pokok mendidik pelajar untuk menguasai agama Islam, berbeza dengan sekolah umum yang sederajat subjek agama hanya sebagai pelengkap sahaja.<sup>358</sup>

Subjek pendidikan agama Islam tersebut harus meliputi hubungan manusia dengan penciptanya, hubungan manusia dengan dirinya sendirinya, sesama manusia dan dengan makhluk lain. Pokok-pokok inilah yang dijabarkan ke dalam ruang lingkup pendidikan Islam menjadi mata pelajaran keimanan, ibadah, al-Qur'an, akhlak, syariah, muamalah dan sejarah. Isi pokok ini yang diajarkan di dalam setiap tingkatan pendidikan Islam.<sup>359</sup> Isi dari subjek sebagai kurikulum sekarang yang diberi nama kurikulum berbasis kompetensi mempunyai tujuan pencapaian sasaran yang jelas, keseragaman subjek, ukuran keberhasilan pelajar dan prosedur pelaksanaan pembelajaran. Jadi, program bagi pendidik terdiri dari program inti, lokal, ekstra kurikuler dan keperibadian.<sup>360</sup>

---

<sup>357</sup>Hasbullah, *op. cit.*, h. 190

<sup>358</sup>*Ibid.*, h. 191 - 196

<sup>359</sup>Ahmad Patoni, *op. cit.*, h. 76

<sup>360</sup>Munardji, *op. cit.*, h. 84-85